

## BAB 5

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 5.0 Pendahuluan.

Bahagian ini akan menampilkan dapatan kajian berkaitan perbandingan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy.

Huraian dimulakan dengan analisis persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) diikuti dengan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) seterusnya ulasan berkaitan dengan topik-topik terpilih berkaitan dengan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ). Setiap huraian dibuat secara naratif serta dikukuhkan dengan jadual-jadual dan petikan-petikan dari kitab-kitab yang menjadi sample kajian ini.

#### 5.1 Perbandingan Sistem I'rāb (الإِعْرَابُ) Antara Sībawayh Dan al-Sayūṭīy.

Perbandingan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy dalam bahagian ini dijalankan berdasarkan aspek-aspek persamaan dan perbezaaan yang terdapat di setiap topik sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) yang dibincangkan.

## 5.2 Persamaan Sistem I'rāb (الإِعْرَابُ) Antara Sībawayh Dan Al-

### Sayūṭīy .

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy adalah berdasarkan lima topik perbincangan iaitu; kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ), penggabungan (الإِضَافَةُ), kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ), Sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dan kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ).

### 5.2.1 Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-

#### Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ).

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ) mempunyai dua aspek persamaan iaitu; dari aspek fungsi dan dari aspek penghasilan impak fleksi (الإِعْرَابِ).

#### 5.2.1(a) Dari Aspek Fungsi.

Persamaan kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ) ditinjau dari aspek fungsi melibatkan fungsi sebagai kata kerja dan fungsi kata kerja transitif dan tak transitif seperti yang dijelaskan dalam jadual 5.1

**Jadual 5.1:** Persamaan sistem i'rab (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ) dari aspek fungsi.

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
1. Fungsi sebagai Kata kerja.	.... <i>ia</i> mengambil alih kedudukan kata kerja.	..... <i>ia</i> merupakan kata nama yang memainkan fungsi kata kerja iaitu kedudukan katakerja...
2. Fungsi sebagai Kata kerja transitif dan tak transitif.	Sebahagian kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ) berfungsi sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْمَلَاذِم)	fungsinya sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْمَلَاذِم)

1. Persamaan fungsi sistem i'rab (الإعراب) berkaitan kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ) dapat dilihat dalam Jadual 5.1, Sībawayh menyatakan bahawa kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ) berfungsi seperti kata kerja kerana ia mengambil alih kedudukan kata kerja begitujuga al-Sayūṭīy. Antara penjelasan berkaitan adalah seperti berikut: Sībawayh menyatakan

“فَهِيَ تَقُومُ مَقَامَ فِعْلِهِمَا.”

(Sībawayh:1999:1:298)

Maksudnya :

“ *ia* mengambil alih kedudukan kata kerja ”

Sehubungan dengan penjelasan di atas, al-Sayūṭīy pula menyatakan

“هِيَ أَسْمَاءٌ قَامَتْ مَقَامَهَا, أَيِّ مَقَامِ الْفِعْلِ.....”

(Al-Sayūṭīy 1997:3:81)

Maksudnya:

“.....Ia merupakan kata nama yang **memainkan fungsi kata kerja** iaitu kedudukan katakerja...”

2. Selain daripada itu, mereka turut bersepakat bahawa kata nama fi'il (اسْمُ الْفِعْلِ) berfungsi dalam bentuk kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْأَلَزْمُ). Hal ini dapat dilihat menerusi

ungkapan berikut:

وَمِنْهَا مَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ إِلَى مَأْمُورِهِ وَمِنْهَا مَا لَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ.....

Maksudnya:

“ Sebahagian kata nama fi'il (اسْمُ الْفِعْلِ) berfungsi sebagai **kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي)** dan **kata kerja tak transitif (الْأَلَزْمُ)** terhadap kata nama yang terletak selepasnya (الْمَأْمُورَ) ...”.

(Sībawayh:1999:1:298)

Dan

.....وَحُكْمُهُمَا غَالِبًا فِي التَّعَدِّي وَاللُّزُومِ.....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:81)

Maksudnya:

“ Kaedah tatabahasa telah menentukan fungsinya **sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي)** dan **kata kerja tak transitif (الْأَلَزْمُ)** .”

### 5.1.1(b) Dari Aspek Penghasilan Impak Fleksi (الإعراب).

Persamaan yang dapat dilihat dari aspek penghasilan impak fleksi (الإعراب) dalam sistem i'rāb (الإعراب) kata nama fi'l (اسمُ الفعلِ) ialah akusatif (النَّصْبُ) atau nominitif (الرَّفْعُ). Huraian seterusnya dapat dilihat dalam jadual 5.2.

**Jadual 5.2** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'il (اسمُ الفعلِ) dari segi penghasilan impak fleksi (الإعراب).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
1. Impak Akusatif	Sesungguhnya ia adalah kata nama yang menyamai pola ayat <i>أَرَوِدُ زَيْدًا ...</i>	...kerana ia sebenarnya ialah kata kerja (أَفْعَلُ) oleh yang demikian ia diujarkan dengan pola <i>رُوِيَ زَيْدًا</i> .
2. Impak Nominatif	...berfungsi sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (اللَّازِمُ) terhadap kata nama yang terletak selepasnya (الْمَأْمُورُ) .	Sementara kata nama fi'l (اسمُ الفعلِ) "صَ" berfungsi sebagai kata kerja tak transitif (اللَّازِمُ) kerana peranannya menyerupai kata kerja <i>أُسْكُتُ ...</i>

Jadual 5.2 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسمُ الفعلِ) dari segi penghasilan impak fleksi (الإعراب). Kedua-duanya bersetuju

menetapkan kata nama fi'ʿl (اسْمُ الْفِعْلِ) memberi impak kepada kata nama selepasnya sama ada akusatif (التَّصْبُ) atau nominitif (الرَّفْعُ). Dari aspek impak akusatif (التَّصْبُ) yang terhasil daripada kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي), Sībawayh menggambarkan maksud tersebut dalam pernyataan di bawah:

أَمَّا مَا يَتَعَدَّى فَقَوْلُكَ: "رُوِيَ زَيْدًا", فَإِنَّمَا هُوَ اسْمٌ: "أَرُوِدُ زَيْدًا".....

(Sībawayh:1999:1298)

Maksudnya:

**"Dari aspek kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) seperti ungkapan anda "رُوِيَ زَيْدًا". Sesungguhnya ia adalah kata nama yang menyamai pola ayat ...أَرُوِدُ زَيْدًا".**

Fleksi pada perkataan زَيْدًا telah berubah secara akusatif (التَّصْبُ) disebabkan kewujudan kata nama fi'ʿl (اسْمُ الْفِعْلِ) "رُوِيَ". Manakala dari aspek impak nominitif (الرَّفْعُ) yang terhasil daripada kata kerja tak transitif (اللَّازِمُ) terkandung dalam kenyataan berikut:

وَمِنْهَا مَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ إِلَى مَأْمُورِيهِ وَمِنْهَا مَا لَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ فَتَحُو قَوْلُكَ مَهْ، صَهْ، وَآهْ، وَإِيهِ وَمَا

أَشْبَهَ ذَلِكَ.

(Sībawayh:1999:1: 298)

Maksudnya:

“ Sebahagian kata nama *fi’l* (اسْمُ الْفِعْلِ) berfungsi sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْأَلَزِمُ) terhadap kata nama yang terletak selepasnya (الْمَأْمُور). Bagi kata kerja tak transitif (الْأَلَزِمُ) adalah seperti ungkapan anda pada perkataan مَه, صَه, وآه, وإيهِ dan sebagainya”.

Sementara itu, al-Sayūṭīy turut tampil dengan kenyataan bagi menjelaskan perbincangan ini seperti dalam petikan berikut:

.....د" رُوَيْدَ " مُتَعَدِّ لَأَنَّ فِعْلَهُ أَمِهْلُ، فَيَقَالُ: رُوَيْدَ زَيْدًا وَصَه لَازِمٌ لَأَنَّ فِعْلَهُ: أُسْكُتُ.....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:82)

Maksudnya:

“ ....manakala perkataan " رُوَيْدَ " merupakan kata nama *fi’l* (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berfungsi sebagai kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) kerana ia sebenarnya ialah kata kerja (أَمِهْلُ) oleh yang demikian ia diujarkan dengan pola رُوَيْدَ زَيْدًا. Sementara kata nama *fi’l* (اسْمُ الْفِعْلِ) " صَه " berfungsi sebagai kata kerja tak transitif (الْأَلَزِمُ) kerana peranannya menyerupai kata kerja أُسْكُتُ....”

Perkataan زَيْدًا telah menunjukkan ia berada secara akusatif (النَّصْبُ).

Manakala gantinama yang terdapat pada صَه berada pada kedudukan nominitif (الرَّفْعُ).

### **5.2.2 Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan Penggabungan (الإضافة).**

Terdapat tiga persamaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan penggabungan (الإضافة) iaitu; dari aspek pendekatan mendefinisikan topik penggabungan (الإضافة), dari aspek pengkategorian topik penggabungan (الإضافة) dan dari aspek penggabungan (الإضافة) dengan huruf ya (ي).

#### **5.2.2(a) Dari Aspek Pendekatan Mendefinisikan Topik Penggabungan (الإضافة).**

Penjelasan tentang aspek persamaan sistem i'rāb (الإعراب) dari segi segi pendekatan mendefinisikan topik penggabungan (الإضافة) dapat dilihat menerusi jadual 5.3.

**Jadual 5.3** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) dari segi aspek pendekatan mendefinisikan topik pengabungan (الإضافة).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Definisi	<i>bab ini membincangkan perkataan yang mengalami proses pengulangan ketika pengabungan (الإضافة)...</i>	<i>Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الجر)...</i>

Jadual 5.3 menampilkan persamaan sistem i'rāb (الإعراب) dari aspek pendekatan mendefinisikan topik pengabungan (الإضافة). Dalam al-kitāb (الكتاب) Sībawayh telah menggunakan pendekatan mendefinisikan pengabungan (الإضافة) dalam menghuraikan topik ini walaupun tidak secara langsung. Menurut beliau pengabungan (الإضافة) merupakan perkataan yang mengalami proses pengulangan Hal ini telah dijelaskan melalui pernyataan beliau seperti berikut:

بَابُ مَا يُكْرَرُ فِيهِ الْإِسْمُ فِي حَالِ الْإِضَافَةِ.... فَلَمَّا كَرَّرُوا الْإِسْمَ تَوَكِيدًا، تَرَكُوا الْأَوَّلَ....

(Sībawayh:1999:2:209)

Maksudnya:

“ *bab ini membincangkan perkataan yang mengalami proses pengulangan ketika pengabungan (الإضافة)...* Ketika mereka mengulangi perkataan dengan tujuan menguatkan ujaran (التوكيد) mereka akan meninggalkan yang pertama....”

Manakala al-Sayūṭīy turut sama memberikan definisi kepada pengabungan (الإِضَافَةُ) sebagai langkah menjelaskan topik ini dengan lebih sistematik. Hal ini dapat diketahui melalui pernyataan beliau seperti berikut:

(نِسْبَةُ تَقْيِيدِيَّةٌ بَيْنَ اسْمَيْنِ تُوجِبُ لثَانِيهِمَا الْجُرْثُ.....(وَالْأَصْحَحُّ أَنْ الْأَوَّلَ)...(المُضَافُ وَالثَّانِي)...(المُضَافَ إِلَيْهِ)....

(Al-Sayūṭīy 1997:2:411)

**“ Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْجُرْثُ)... yang paling tepat untuk diperkatakan bahawa yang pertama itu ialah kata nama muḍāf (المُضَافُ) sementara kata nama yang kedua adalah kata nama muḍāf ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ)... ”**

### 5.2.2(b). Dari Aspek Pengkategorian Topik Pengabungan (الإِضَافَةُ).

Secara terperinci persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) dari aspek pengkategorian topik pengabungan (الإِضَافَةُ) dapat dilihat seperti dalam jadual 5.4.

**Jadual 5.4** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) dari aspek pengkategorian topik pengabungan (الإضافة).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Pengkategorian	1. Pengabungan (الإضافة) dengan huruf ya (ي) 2. Pengabungan (الإضافة) kata nama kepada kata kerja 3. Pengabungan (الإضافة) kata nama kepada kata nama terbitan muawwal (المؤول) 4. Pengabungan (الإضافة) pada kata nama yang mempunyai dua huruf tambahan. 5. Pengabungan (الإضافة) pada dua kata nama 6. Pengabungan katanama jamak seperti عَبْدُ اللَّهِ .	1. Pengabungan maḥḍaṭ (الإضافة المَحْضَة). 2. Pengabungan bukan maḥḍaṭ (الإضافة غير المَحْضَة). 3. Kata nama yang sentiasa perlu pengabungan (الإضافة).

Jadual 5.4 memaparkan persamaan sistem i'rāb (الإعراب) dari aspek pengkategorian topik pengabungan (الإضافة). Sībawayh dan al-Sayūṭīy telah membentuk kategori-kategori tertentu bagi topik pengabungan (الإضافة). Kategori pengabungan (الإضافة) oleh Sībawayh adalah seperti berikut:

1. Pengabungan (الإضافة) dengan huruf ya (ي)

(Sībawayh:1999:1:313).

2. Pengabungan (الإِضَافَةُ) kata nama kepada kata kerja  
(Sībawayh:1999:3:135)
3. Pengabungan (الإِضَافَةُ) kata nama kepada kata nama terbitan  
muawwal (المَصْدَرِ المُوَوَّلِ) (Sībawayh:1999:3:138)
4. Pengabungan (الإِضَافَةُ) pada kata nama yang mempunyai dua huruf  
tambahan (Sībawayh:1999:3:409).
5. Pengabungan (الإِضَافَةُ) pada dua kata nama (Sībawayh:1999:3:411).
6. Pengabungan kata nama jamak seperti عَبْدُ اللَّهِ  
(Sībawayh:1999:3:452).

Manakala kategori pengabungan (الإِضَافَةُ) oleh al-Sayūṭīy adalah seperti berikut:

1. Pengabungan mahḍaṭ (الإِضَافَةُ المَحْضَةُ) (al-Sayūṭīy 1997:2:414).
2. Pengabungan bukan mahdhah (الإِضَافَةُ غَيْرُ المَحْضَةِ) (al-Sayūṭīy  
1997:2:414).
3. Kata nama yang sentiasa perlu pengabungan (الإِضَافَةُ) (al-Sayūṭīy  
1998:2:422).

### 5.2.2(c). Dari Aspek Pengabungan (الإِضَافَةُ) Dengan Huruf ya (ي).

Ulasan tentang persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) dari aspek pengkategorian topik pengabungan (الإِضَافَةُ) dapat dilihat seperti dalam jadual 5.5.

**Jadual 5.5** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) dari segi pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي).

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي).	<i>Ketahuiilah sesungguhnya ya yang digabungkan (الإِضَافَةُ) akan gugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti keadaan baris dua (التَّنْوِينُ) ketika mufrad....</i>	<i>...Kata nama mudāf (الْمُضَافُ) yang digabungkan dengan huruf ya (الْيَاءُ) hendaklah berbaris bawah (كَسْرَةٌ) di akhirnya supaya dapat disesuaikan dengan huruf ya (الْيَاءُ)...</i>

Jadual 5.5 menjelaskan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) dari segi pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي). Tajuk ini merupakan sebahagian lagi perbahasan yang mempunyai persamaan antara Sībawayh dan al-Sayūṭiy. Ketika menjelaskan pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) beliau menyatakan, kata nama pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) yang merupakan gantinama bersambung

bagi diri pertama (أَلَمْ تَكَلِّمْ) akan tergugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti yang tertera di dalam pernyataan berikut:

إِعْلَمَ أَنَّ يَاءَ الْإِضَافَةِ لَا تَثْبُتُ فِي النَّدَاءِ كَمَا لَمْ يَثْبُتِ التَّنْوِينُ فِي الْمُفْرَدِ....

(Sībawayh:1999:1:313)

Maksudnya:

“ Ketahuilah sesungguhnya **ya (يَاءٌ) yang bergabung (الإِضَافَةُ) akan gugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti keadaan baris dua (التَّنْوِينُ) ketika mufrad....**”

Manakala bagi al-Sayūṭīy penjelasan tentang pengabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) dapat dilihat dengan jelas menerusi keterangan berikut:

(مَسْأَلَةٌ): (الْمُضَافُ لِلْيَاءِ بِكَسْرِ آخِرِهِ) لِمُنَاسَبَةِ الْيَاءِ (إِلَّا مُثْنَى وَمَجْمُوعًا) عَلَى حَدِّهِ....

(Al-Sayūṭīy 1998:2:435)

Maksudnya:

“ Kata nama **muḍāf (الْمُضَافُ) yang pengabungan dengan huruf ya (الْيَاءِ) hendaklah berbaris bawah (كَسْرَةً) di akhirnya supaya dapat disesuaikan dengan huruf ya (الْيَاءِ) kecuali pada perkataan yang menunjukkan bilangan dua (مُثْنَى) dan kata jamak (مَجْمُوعٌ) yang terikat dengan had-had tertentu....**”

### **5.2.3 Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ).**

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) mengandungi beberapa aspek iaitu; dari aspek fungsi kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dan penggabungan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dengan kata keterangan.

#### **5.2.3(a) Dari Aspek Fungsi Kata Nama Terbitan (الْمَصْدَرُ).**

Maklumat lanjutan berkenaan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dari segi fungsi boleh diperolehi menerusi jadual 5.6.

**Jadual 5.6** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan kata nama terbitan (المصدر) dari segi fungsi .

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Fungsi	“ Ini merupakan satu bab kata nama terbitan (المصدر) seperti kata kerja kala kini (فعل المضارع) dari aspek fungsi dan makna...”	“ (kata nama terbitan): iaitu perbincangan tentang fungsinya. (berfungsi seperti kata kerja (الفعل) sama ada kata kerja itu tak transitif (لازِم) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih (متعدّي إلى واحد أو أكثر) ...

Paparan dalam jadual 5.6 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan kata nama terbitan (المصدر) dari segi fungsi. Sībawayh dan al-Sayūṭīy bersepatat menyatakan bahawa kata nama terbitan (المصدر) berfungsi seperti kata kerja kerana ia mengambil alih kedudukan kata kerja kala kini (فعل المضارع). Sībawayh membayangkan maksud tersebut dalam al-kitab (الكتاب) seperti berikut:

هَذَا بَابٌ مِنَ الْمَصَادِرِ جَرَى مَجْرَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ فِي عَمَلِهِ وَ مَعْنَاهُ....

(Sībawayh:1999:1:249)

Maksudnya:

“ Ini merupakan satu bab **kata nama terbitan (المصدر)** seperti **kata kerja kala kini (فعل المضارع)** dari aspek fungsi dan makna...”

Sementara itu al-Sayūṭīy pula menjelaskan persamaan perbincangan topik ini dengan Sībawayh dari aspek fungsi di dalam Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْحَوَامِعِ ) seperti berikut:

(الْمَصْدَرُ) أَي: هَذَا مَبْحَثُ إِعْمَالِهِ. (يَعْمَلُ كَفِعْلِهِ) لِأَزْمًا, وَمُتَعَدِّيًا إِلَى وَاحِدٍ, فَأَكْثَرُ... وَلِذَا لَمْ يَتَّفِقَ عَمَلُهُ بِزَمَانٍ.

(Al-Sayūṭīy 1997:3:43)

Maksudnya:

“ (kata nama terbitan): iaitu perbincangan tentang fungsinya. (berfungsi seperti kata kerja (الفعل) sama ada kata kerja itu tak transitif (لازِم) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih (مُتَعَدِّي إِلَى وَاحِدٍ) ...Oleh yang demikian, fungsi kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) tidak dapat dikaitkan dengan masa”.

### 5.2.3(b) Penggabungan Kata Nama Terbitan (الْمَصْدَرُ) Dengan Kata

#### Keterangan.

Penelitian terhadap Jadual 5.7 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) penggabungan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dengan kata keterangan.

**Jadual 5.7** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) penggabungan kata nama terbitan (المصدر) dengan kata keterangan.

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Penggabungan kata nama terbitan (المصدر) dengan kata keterangan (الظرف).	<p>...Anda boleh mengungkapkan عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا kerana mereka tidak menjadikannya kata kerja mahupun melakukan sesuatu ke atau perkataan الْيَوْمِ.</p> <p>Sesungguhnya ia sama kedudukannya seperti ”لِلَّهِ بِلَادُكَ”.</p>	<p>...Digabungkan kepada kata keterangan (الظرف) lalu berfungsi terhadap perkataan yang ada selepasnya secara nominitif (الرفع) dan akusatif (النصب)...”</p>

Jadual 5.7 menjelaskan Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) penggabungan kata nama terbitan (المصدر) dengan kata keterangan.

Hal ini menggambarkan bahawa Sībawayh dan al-Sayūṭiy mempunyai perspektif yang sama mengenai penggabungan kata nama terbitan (المصدر) dengan kata keterangan (الظرف). Sībawayh menjelaskan perspektif beliau berkaitan tajuk ini dengan mengaitkannya dengan contoh seperti عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا sebagai kiasan terhadap kaedah yang terdapat pada kata nama pelaku (اسمُ الفاعل). Hal ini terdapat dalam penjelasan berikut:

عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا... لِأَنَّهُمْ لَمْ يَجْعَلُوهُ فِعْلًا أَوْ فَعَلَ شَيْئًا فِي الْيَوْمِ إِنَّمَا هُوَ بِمَنْزِلَةِ "لِلَّهِ

بِلَادُكَ"

(Sībawayh 1999:1:255)

Maksudnya:

**" Anda boleh mengungkapkan عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا kerana mereka tidak menjadikannya kata kerja mahupun melakukan sesuatu ke ataa perkataan الْيَوْمِ. Sesungguhnya ia sama kedudukannya seperti لِلَّهِ بِلَادُكَ "**

Manakala al-Sayūṭīy mengulas berkaitan dengan topik ini dalam petikan berikut:

(و) يَخْتَفِ (لِظَرْفٍ) فَيَعْمَلُ فِيهَا بَعْدَهُ رَفْعًا وَنَصْبًا)....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:50)

Maksudnya:

**" Digabungkan kepada kata keterangan (الظَرْفُ) lalu berfungsi terhadap perkataan yang ada selepasnya secara nominitif (الرَّفْعُ) dan akusatif (النَّصْبُ)..."**

#### 5.2.4 Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-

**Sayūṭīy berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).**

Bahagian ini memaparkan aspek-aspek persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan sifat musyabbahaṭ

(الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ). Ulasan dibuat berdasarkan aspek persamaan seperti

aspek fungsi, aspek penggabungan (الإضافة) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ), sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lam (أل) dan perubah fleksi sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) yang genitif (مَجْرُور).

#### 5.2.4(a) Dari Aspek Fungsi.

Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) dari aspek fungsi dapat dilihat dalam jadual 5.8.

**Jadual 5.8** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) dari aspek fungsi.

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Fungsi	... Ini merupakan bab perbincangan kata sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) yang menyerupai kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) dari segi fungsi, akan tetapi ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ).	... Sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām (بِأَل) dan tidak bergandingan dengan alif dan lām (بِأَل) kata nama nominitif (الْمَرْفُوعُ) merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المَشْبَهَةُ).

Jadual 5.8 memaparkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) šifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek fungsi. Kedua-dua tokoh ini telah mempunyai persamaan dalam membincangkan topik ini. Mereka bersetuju untuk menyatakan šifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) berfungsi terhadap perubah fleksinya (مَعْمُولٌ). Hal ini telah dibincangkan dalam dalam kitab masing-masing. Pernyataan Sibawayh berkaitan perbincangan ini dapat dilihat seperti berikut:

هَذَا بَابُ الصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ بِالْفَاعِلِ فِيمَا عَمِلَتْ فِيهِ وَكَمْ تَقْوَى أَنْ تَعْمَلَ عَمَلَ الْفَاعِلِ لِأَنَّهَا لَيْسَتْ فِي مَعْنَى

الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ

(Sibawayh:1999:1:255)

Maksudnya:

“ Ini merupakan bab **perbincangan kata šifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)** yang menyerupai kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) dari segi fungsi, akan tetapi ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ) ”.

Manakala al-Sayūṭīy pula menyatakan fungsinya menjadikan kata nama selepasnya nominatif (مَرْفُوعٌ) sebagai pelaku (الْفَاعِلُ) ketika berganding dengan alif dan lām (بِأَلٍ) seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

(وَتَعْمَلُ مَعَ أَلٍ مُّقْتَرِنَةً بِهَا (وَدُونِهَا رَفْعًا) عَلَى أَنْ يُعْرَبَ الرَّفْعُ بِهَا (فَاعِلًا) بِهَا...

(Al-Sayūṭīy 1998:3:54)

Maksudnya:

“**Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)** berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām (بَالٍ) dan tidak bergandingan dengan alif dan lām (بَالٍ) kata nama nominitif (الرَّفْعُ) merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya (şifaṭ musyabbahaṭ الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)”

#### 5.2.4(b) Dari Aspek Penggabungan (الإِضَافَةُ) Şifaṭ musyabbahaṭ

(الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari

aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dapat

dilihat dalam jadual 5.9.

**Jadual 5.9** Persamaan sistem i'rāb (الإعراب) ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) dari aspek penggabungan (الإضافة) ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ).

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Penggabungan (الإضافة) ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ).	...penggabungan ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) kepada kata nama selepasnya merupakan sebaik-baik cara dan yang terbanyak dalam penggunaan kerana ia bukan seperti kata kerjamanakala penggunaan ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) secara bertanwin (مُنَوَّنًا) adalah sesuai sebagai bahasa Arab yang baik...	...Wajib bergabung (الإضافة) dengan gantinama yang berkait dengannya dalam situasi ia tidak berganding alif dan lām (أل) contohnya مَرَرْتُ بِرَجُلٍ حَسَنِ الْوَجْهِ حَمِيلِهِ...

Paparan dalam jadual 5.9 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإعراب) ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) dari aspek penggabungan (الإضافة) ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ). Berkaitan dengan topik ini, Sībawayh dan al-Sayūṭiy mempunyai persamaan di dalam memberi penekanan topik ini. Sībawayh menegaskan bahawa penggabungan ṣifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) kepada kata nama selepasnya merupakan sebaik baik cara dan yang terbanyak dalam penggunaan seperti yang tertera dalam al-Kitāb (الكتاب) berikut:

وَالِإِضَافَةُ فِيهِ أَحْسَنُ وَأَكْثَرُ، لِأَنَّهُ لَيْسَ كَمَا جَرَى مُجْرَى الْفِعْلِ وَلَا فِي مَعْنَاهُ... وَالتَّنْوِينِ عَرَبِيٌّ جَيِّدٌ

(Sībawayh:1999:1:255)

Maksudnya:

“ **Penggabungan *ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُسَبَّهَةُ) kepada kata nama selepasnya merupakan sebaik-baik cara dan yang terbanyak dalam penggunaan kerana ia bukan seperti kata kerjamanakala penggunaan *ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُسَبَّهَةُ) secara bertanwin (مَنْوَنًا) adalah sesuai sebagai bahasa Arab yang baik**”.

Sementara itu, penghuraian al-Sayūṭīy turut tertumpu kepada topik ini.

Seperti yang terdapat dalam dalam Ham‘u al-Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i

al-Jawāmi‘i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ):

(لَكِنْ تَجِبُ الْإِضَافَةُ) حَالٌ كَوْنُهَا (مُجَرَّدَةٌ) مِنْ أَلٍ (إِلَى ضَمِيرٍ مُتَّصِلٍ بِهَا فِي الْأَصَحِّ) نَحْوُ: مَرَرْتُ

بِرَجُلٍ حَسَنَ الْوَجْهِ جَمِيلِهِ

(Al-Sayūṭīy 1998:3:55)

Maksudnya:

“ **Wajib bergabung (الإِضَافَةُ) dengan gantinama yang berkait dengannya dalam situasi ia tidak berganding alif dan lām (ال) contohnya مَرَرْتُ بِرَجُلٍ حَسَنَ الْوَجْهِ جَمِيلِهِ**”.

### 5.2.4(c) Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) Yang Bergandingan

Dengan Alif Dan Lām (أل).

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan Lam (أل) dapat dilihat dalam jadual 5.10 .

**Jadual 5.10** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan Lam (أل).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Aspek şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan Lam (أل).	<p>...Dengan kemasukkan alif dan lām ( بَأَل ) pada perkataan "الْحَسَنُ" menyebabkan ia dapat berfungsi seperti ungkapan yang terdapat dalam kata nama pelaku "الصَّارِبُ زَيْدًا" (اسْمُ الْفَاعِلِ). Berdasarkan prinsip ini anda boleh mengungkapkan ungkapan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ" ia merupakan bahasa Arab yang baik (جَيِّدًا).</p>	<p>...Demikianlah terdapat tiga puluh enam (35) pola daripada dua situasi iaitu situasi bergandingan dengan alif dan Lam ( بَأَل ) dan situasi tidak bergandingan. Situasi ini menghasilkan tiga fleksi iaitu secara nominitif (الرَّفْعُ), akusatif (النَّصْبُ) dan genitif (الْجَرُّ).</p>

Jadual 5.10 merupakan topik persamaan yang telah dibahaskan oleh Sībawayh dan al-Sayūṭiy. Masing-masing telah menunjukkan

persamaan dalam menekankan kepentingan gandingan alif dan Lam (أل) dengan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dan kesan terhadap pola ayat yang dibina dalam huraian mereka. Pernyataan Sībawayh mengenai gandingan alif dan Lam (أل) dengan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dapat dilihat seperti berikut:

فَإِنَّمَا أُدْخِلْتُ الْأَلِفُ وَاللَّامُ فِي "الْحَسَنِ" ثُمَّ أَعْمَلْتَهُ، كَمَا قَالَ "الضَّارِبُ زَيْدًا". وَعَلَى هَذَا الْوَجْهِ  
تَقُولُ: "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ", وَهِيَ عَرَبِيَّةٌ جَيِّدَةٌ.

(Sībawayh:1999:1:253)

Maksudnya:

**“ Dengan memasukkan alif dan Lam ( بَال ) pada perkataan "الْحَسَنِ" menyebabkan ia dapat berfungsi seperti ungkapan yang terdapat dalam kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) "الضَّارِبُ زَيْدًا". Berdasarkan prinsip ini anda boleh mengungkapkan ungkapan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ". Ia merupakan bahasa Arab yang baik (جَيِّدَةٌ).**

Manakala al-Sayūṭī amat bersetuju dengan Sībawayh dalam perbincangan memasukkan alif dan Lam ( بَال ) pada sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ). Pernyataan beliau dalam isu ini terdapat dalam petikan berikut:

فَتِلْكَ سِتَّةٌ وَثَلَاثُونَ حَاصِلَةٌ مِنْ ضَرْبِ اثْنَيْنِ، وَهِيَ: حَالَتَا إِقْتِرَانِهَا بِأَلٍ وَعَدَمِهِ ثَلَاثَةٌ وَهِيَ: وُجُوهُ عَمَلِهَا:

الرَّفْعُ، وَالتَّنْصِبُ، وَالْجَرُّ،

(Al-Sayūṭīy 1998:3:55)

Maksudnya:

**“Demikianlah terdapat tiga puluh enam (35) pola daripada dua situasi iaitu situasi bergandingan dengan alif dan Lam (بأل) dan situasi tidak bergandingan. Situasi ini menghasilkan tiga fleksi iaitu secara nominitif (الرَّفْعُ), akusatif (التَّنْصِبُ) dan genitif (الْجَرُّ).”**

#### 5.2.4(d) Perubah Fleksi Şifaṭ Musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) Yang

Genitif (مَجْرُورٌ).

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari

aspek perubah fleksi şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang genitif

(مَجْرُورٌ) dapat dilihat dalam jadual 5.11.

**Jadual 5.11** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek Perubah fleksi sifat yang genitif (مَجْرُورٌ).

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Aspek perubah fleksi sifat yang genitif (مَجْرُورٌ).	... Sekiranya huruf nun (ن) digugurkan (الْكَفُّ), perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) bagi sifat ini mestilah genitif (الْجَرُّ) sama ada perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) khas (الْمَعْرِفَةُ) atau am (تَكْرِيهًا) seperti هُوَ لَاءِ الضَّارِبِ زَيْدٍ .	... şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) juga boleh berfungsi menjadikan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) berada secara genitif (الْجَرُّ) disebabkan al-idhafah (الإِضَافَةُ)”. 

Jadual 5.11 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) šifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُسَبَّهَةُ) dari aspek perubah fleksi sifat genitif (مَجْرُورٌ). Perbincangan isu ini terdapat dalam al-kitāb (الْكِتَابُ) dan Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i ( هَمْعُ الْهَوَامِيِّ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِيِّ ) sekaligus menunjukkan terdapat persamaan antara Sībawayh dan al-Sayūṭiy dalam membahaskan topik ini. Sībawayh menjelaskan isu di atas dalam petikan berikut:

فَإِنْ كَفَفْتَ النَّونَ جَرَرْتَ، كَانَ الْمَعْمُولُ فِيهِ نَكْرَةً أَوْ فِيهِ أَلْفٌ وَلَا مَ، كَمَا قُلْتَ : هُوَ لِأَنَّ الضَّارِبُ زَيْدٍ

(Sībawayh:1999:1:255)

Maksudnya:

**“Sekiranya huruf nun (ن) digugurkan (أَلْفٌ), perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) bagi sifat ini mestilah genitif (الْجُرُ) sama ada perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) khas (الْمَعْرِفَةُ) atau am (نَكْرَةً) seperti هُوَ لِأَنَّ الضَّارِبُ زَيْدٍ .”**

Manakala al-Sayūṭiy menjelaskan isu ini dalam petikan berikut:

(وَجَرًّا بِالِإِضَافَةِ وَفِي مَرَاتِبِهَا خِلَافٌ فِي مُجَرَّدٍ، وَمَقْرُونٍ بِأَلٍ، وَمُضَافٍ لَهُ)...

(Al-Sayūṭiy 1998:3:54)

Maksudnya:

**“šifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُسَبَّهَةُ) juga boleh berfungsi menjadikan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) berada secara genitif (الْجُرُ) disebabkan penggabungan (الإِضَافَةُ) .”**

**5.2.5 Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).**

Menerusi bahagian ini, aspek persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy yang dapat dilihat berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ialah dari aspek fungsi, aspek fungsi sebagai agen genitif (الْجَرُّ), aspek kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ketika menjadi kata nama khas (الْمَعْرِفَةُ).

**5.2.5(a) Dari Aspek Fungsi**

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek fungsi dapat dilihat menerusi jadual 5.12.

**Jadual 5.12** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).dari aspek fungsi.

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Fungsi	“ Ini merupakan satu bab perbincangan tentang kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang berfungsi dengan fungsi kata kerja.... ”.	“ Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) berfungsi dengan fungsi kata kerja dalam keadaan tunggal atau lain-lain lagi.... ”.

Jadual 5.12 menampilkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek fungsi. Tinjauan terhadap aspek ini kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Sībawayh dan al-Sayūṭīy mempunyai satu pandangan menyatakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) itu boleh berfungsi dengan fungsi kata kerja terhadap perubah fleksinya (الْمَعْمُولُ). Sībawayh menjelaskan isu tersebut melalui petikan berikut:

هَذَا بَابٌ مِنْ اسْمِ الْفَاعِلِ الَّذِي جَرَى مَجْرَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ فِي الْمَفْعُولِ فِي الْمَعْنَى....

(Sībawayh 1999:1:218)

Maksudnya:

“ Ini merupakan satu bab pembincangan tentang **kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang berfungsi dengan fungsi kata kerja....** ”.

Manakala al-Sayūṭīy pula menjelaskan isu tersebut melalui ungkapan yang berikut:

(وَيَعْمَلُ عَمَلًا فِعْلِيًّا مُفْرَدًا أَوْ غَيْرَهُ)....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:53)

Maksudnya:

“ Ia **'kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)'** berfungsi dengan fungsi kata kerja dalam keadaan tunggal atau lain-lain lagi.... ”.

### 5.2.5(b) Dari Aspek Fungsinya Sebagai Agen Genitif (الْجَرُّ).

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek fungsinya sebagai agen genitif (الْجَرُّ) dapat dilihat menerusi jadual 5.13.

**Jadual 5.13** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek fungsinya sebagai agen genitif (الْجَرُّ).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Sebagai agen genitif (الْجَرُّ).	...Untuk pengetahuan anda orang-orang Arab berusaha untuk meringankan sebutan, lalu mereka menggugurkan baris dua (التَّنْوِينُ) dan huruf nun (ن), walaubagaimanapun tidak berlaku perubahan makna. Sebaliknya apa yang berlaku ialah perbahan tanda fleksi pada objek kepada genitif (الْجَرُّ) sehinggalah fungsinya sebagai agen genitif (الْجَرُّ)....	...kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh bergabung dengan objeknya (مَفْعُولٌ بِهِ) seperti ﴿هَدَّيَا بِلِغِ الْكَعْبَةِ﴾ dan ﴿غَيْرِ مُجَلَى﴾ . الصَّيْدِ .

Jadual 5.13 menggambarkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek fungsinya sebagai agen genitif (الْجَرُّ). Sībawayh dan al-Sayūṭiy juga menjelaskan, kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh berfungsi sebagai agen genitif (الْجَرُّ). Masing-masing menyatakan ia bertindak sebagai agen genitif (الْجَرُّ) terhadap objeknya (مَفْعُولٌ بِهِ) yang datang dalam bentuk penggabungan (الإِضَافَةُ). Kenyataan

Sibawayh berhubung persoalan ini dapat dilihat dengan jelas seperti berikut:

وَأَعْلَمُ أَنَّ الْعَرَبَ يَسْتَحِفُّونَ فَيَحْذِفُونَ التَّنْوِينَ وَالتَّنُونَ، وَلَا يَتَّعِبُونَ مِنَ الْمَعْنَى شَيْءٌ وَيَنْجِرُ الْمَفْعُولُ لِكَفِّ  
التَّنْوِينَ مِنَ الْأَسْمِ، فَصَارَ عَمَلُهُ فِيهِ الْجَرُّ....

(Sibawayh 1999:1:218)

Maksudnya:

“ Untuk pengetahuan anda orang-orang Arab berusaha untuk meringankan sebutan, lalu mereka menggugurkan baris dua (التَّنْوِينَ) dan huruf nun (ن), walaubagaimanapun tidak berlaku perubahan makna. Sebaliknya apa yang berlaku ialah perubahan tanda fleksi pada objek kepada genitif (الْجَرُّ) **sehinggalah fungsinya sebagai agen genitif (الْجَرُّ)...**”.

Di sisi al-Sayūṭīy perbincangan dalam isu ini dapat diperolehi melalui kenyataan beliau seperti berikut:

(وَيُضَافُ لِمَفْعُولِهِ) جَوَازًا نَحْوَ: ﴿هَدْيًا بَلَغَ الْكَعْبَةَ﴾...و﴿غَيْرَ مُحَلِّي الصَّيْدِ﴾.

(Al-Sayūṭīy 1997:3:55)

Maksudnya:

“ **kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh bergabung dengan objeknya (مَفْعُولٌ بِهِ) seperti ﴿هَدْيًا بَلَغَ الْكَعْبَةَ﴾ dan ﴿غَيْرَ مُحَلِّي الصَّيْدِ﴾.**”

**5.2.5(c) Kata Nama Pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) Yang Memerlukan Dua Objek (مَفْعُولٌ بِهِ).**

Ulasan terhadap persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dapat dilihat menerusi jadual 5.14.

**Jadual 5.14** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ).

Aspek Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ).	... Demikian juga sekiranya anda hadir dengan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) maka objek (مَفْعُولٌ بِهِ) yang kedua lebih utama berada pada kedudukan akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدًا دِرْهَمًا وَعُمَرُو. Fleksi genitif (الْجُرُ) tidak berlaku ke atas perkataan "الدَّرَاهِمُ" sebaliknya fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti yang anda telah jadikan perkataan tersebut berada secara akusatif (مَنْصُوبٌ) ”.	...sekumpulan ahli tatabahasa (قَوْمٌ) yang menyatakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh menjadi agen akusatif (مَنْصُوبٌ) sekiranya ia merupakan kategori yang memerlukan dua objek atau tiga objek seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدًا دِرْهَمًا أَمْسٍ kerana ia sangat hampir dengan kata kerja.... ”.

Jadual 5.14 menunjukkan Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ). Sībawayh dan al-Sayūṭiy telah bersepakat menyatakan bahawa kata nama pelaku

(اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh jadi agen akusatif sekiranya ia berasal daripada kata

kerja yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ). Hal ini disebut oleh

Ṣībawayh dalam al-Kitāb (الْكِتَابُ) seperti berikut:

وَكَذَلِكَ إِنْ جِئْتَ بِاسْمِ الْفَاعِلِ الَّذِي تَعَدَّى فِعْلُهُ إِلَى مَفْعُولَيْنِ. وَذَلِكَ قَوْلُكَ: " هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا

وَعُمْرُو", إِذْ لَمْ يَحْرِهِ عَلَى "الدَّرَاهِمِ", وَالرَّصْبُ عَلَى مَا نَصَرْتَهُ عَلَيْهِ مَا أَقْبَاهُ.

(Ṣībawayh 1999:1:231)

Maksudnya:

“ *Demikian juga sekiranya anda hadir dengan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) maka objek (مَفْعُولٌ بِهِ) yang kedua lebih utama berada pada kedudukan akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا وَعُمْرُو. fleksi genitif (الْجُرُفِ) tidak berlaku ke atas perkataan "الدَّرَاهِمِ" sebaliknya fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti yang anda telah jadikan perkataan tersebut berada secara akusatif (مَنْصُوبٌ) ”.*

Manakala dalam Ham'ū al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i ( هَمْعُ )

(, الْهُوَامِعُ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ ), al-Sayūṭīy turut menyatakan hal yang sama

seperti berikut:

(و) قَالَ (قَوْمٌ يَعْمَلُ) النَّصْبَ (إِنْ تَعَدَّى لِاثْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةٍ) نَحْوَ: هَذَا مُعْطِي زَيْدًا دِرْهَمًا أَمْسِ لِأَنَّهُ قَوِيٌّ

شَبِيهِهِ بِالْفِعْلِ...

(Al-Sayūṭīy 1997:3:55)

Maksudnya:

“ **sekumpulan ahli tatabahasa (فَوْمٌ) yang menyatakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh menjadi agen akusatif (مَنْصُوبٌ) sekiranya ia merupakan kategori yang memerlukan dua objek atau tiga objek seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدًا دِرْهَمًا أَمْسِ kerana ia sangat hampir dengan kata kerja.... ”.**

#### 5.2.5(d) Kata Nama Pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) Ketika Menjadi Kata Nama

**Khas ( الْمَعْرِفَةُ ).**

Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ketika menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dapat dilihat menerusi jadual 5.15.

**Jadual 5.15** Persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ketika menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ).

Persamaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ )	“ Seumpama ungkapan anda هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا berubah maksudnya seperti هَذَا الَّذِي زَيْدًا serta berfungsi dengan fungsi kata kerja kerana alif dan lam (ال) menegah daripada penggabungan (الإِضَافَةُ) manakala kedudukan kedua-duanya seperti kedudukan baris dua (التَّنْوِينُ) ”.	“ Bagi kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang dihubungkan dengan alif dan lam (ال) majoriti ahli tatabahasa menyatakan ia berfungsi seperti kata kerja kala lampau (مَاضِي), kata kerja kala kini (مُضَارِعٌ) dan masa hadapan (مُسْتَقْبَلٌ).... ”.

Jadual 5.15 menunjukkan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ketika menjadi kata nama khas (الْمَعْرِفَةُ). Penelitian yang dijalankan dalam perbincangan berkaitan dengan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) mendapati Sībawayh dan al-Sayūṭīy bersepakat bahawa kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh menerima alif dan lam (أل). Keterangan dari Sībawayh dapat dilihat seperti berikut:

وَذَلِكَ قَوْلِكَ: "هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا", فَصَارَ فِي مَعْنَى "هَذَا الَّذِي ضَرَبَ زَيْدًا", وَعَمِلَ عَمَلَهُ, لِأَنَّ

الْأَلِفُ وَاللَّامُ مَنَعَتَا الْإِضَافَةَ وَصَارَتَا بِمَنْزِلَةِ التَّنْوِينِ.

(Sībawayh 1999:1:241)

Maksudnya:

*“ Seumpama ungkapan anda هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا berubah maksudnya seperti هَذَا الَّذِي ضَرَبَ زَيْدًا serta berfungsi dengan fungsi kata kerja kerana alif dan lam (أل) menegah daripada idhafah (الإِضَافَةُ) manakala kedudukan kedua-duanya seperti kedudukan baris dua (التَّنْوِينِ) ”.*

Manakala al-Sayūṭīy pula membuat penjelasan seperti berikut:

(فَإِنْ كَانَ) اسْمُ الْفَاعِلِ (صَلَةُ أَلْ فَالْجُمْهُورُ) أَنَّهُ (يَعْمَلُ مُطْلَقًا) مَاضِيًا, وَحَالًا, وَمُسْتَقْبَلًا, ...

(Al- Sayūṭīy :1997:3:55)

Maksudnya:

*“ Bagi kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang dihubungkan dengan alif dan lam (أل) majoriti ahli tatabahasa menyatakan ia berfungsi*

seperti kata kerja kala lampau (مَاضِي), kata kerja kala kini (مُضَارِع) dan masa hadapan (مُسْتَقْبَل)....”.

Penjelasan berkaitan dengan persamaan sistem i'rāb (الإِعْرَاب) Sībawayh dan al-Sayūṭīy dapat dilihat melalui rajah 5.1 berikut:

### Panduan Rajah

IH	Penggabungan (الإِضَافَةُ)
IL	Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)
IF	Kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ)
MS	Kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ)
SM	Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ)



### 5.3 Dapatan Kajian Perbezaan Sistem I'rāb (الإعراب) Antara

#### Sībawayh Dan Al-Sayūṭīy.

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy adalah berdasarkan lima topik perbincangan seperti yang terdapat dalam perbincangan mengenai persamaan iaitu; kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ), penggabungan (الإِضَافَةُ), kata nama terbitan (المَصْدَرُ), sifat musyabbahat (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) dan kata nama pelaku (اسمُ الفَاعِلِ). Dalam bahagian ini, pengkaji turut memaparkan paparan jadual dan ulasan bagi menguatkan lagi penjelasan berkenaan aspek perbezaan dalam sistem i'rāb (الإعراب).

#### 5.3.1 Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-

#### Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ).

Kajian perbandingan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسمُ الفِعْلِ) mempunyai beberapa aspek perbezaan iaitu; dari aspek definisi fungsi, definisi fungsi sebagai kata kerja transitif dan tak transitif, kategori dan penghasilan impak fleksi (الإعراب).

### 5.3.1(a) Dari Aspek Definisi Fungsi.

Ulasan lanjut berkaitan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) dari segi definisi dapat diperolehi melalui jadual 5.16.

**Jadual 5.16** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) dari segi definisi.

Aspek Perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
1. Definisi Fungsi Kata kerja.	<i>...Ini merupakan bab kata kerja (الْفِعْلِ) yang dikenali sebagai kata nama (بِأَسْمَاءٍ) bukan merupakan bahagian daripada kata kerja yang melibatkan masa (الْحَادِثِ)....</i>	<i>..... Ia merupakan kata nama yang memainkan peranan kata kerja ketika berfungsi, tiada proses morfologi bahkan tidak mengalami proses morfologi sebagaimana kata kerja ...</i>
2. Definisi fungsi Kata kerja transitif dan tak transitif.	<i>Sebahagian kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) berfungsi sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْأَلَزِمِ)</i>	<i>fungsiya sebagai kata kerja transitif (الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja tak transitif (الْأَلَزِمِ)</i>

Jadual 5.16 memperlihatkan perbezaan yang wujud dalam sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan Al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) dari segi definisi fungsi. Sībawayh dalam definisinya menyatakan kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) adalah merupakan sub kategori kata kerja (الْفِعْلِ)

yang berfungsi dengan fungsi kata kerja (الفِعْلُ) seperti yang dinyatakan

berikut:

هَذَا بَابٌ مِنَ الْفِعْلِ سُمِّيَ الْفِعْلُ فِيهِ بِأَسْمَاءٍ لَمْ تُؤْخَذْ مِنْ أَمْثَلَةِ الْفِعْلِ الْحَادِثِ...

(Sībawayh:1999:1: 298)

Maksudnya:

*“Ini merupakan bab kata kerja (الفِعْلُ) yang dikenali sebagai kata nama (بِأَسْمَاءٍ) bukan merupakan bahagian daripada kata kerja yang melibatkan masa (الْحَادِثِ)...”.*

Kata nama fi'la (اسْمُ الْفِعْلِ) telah didefinisikan oleh al-Sayūṭīy sebagai kata

nama yang berfungsi dengan fungsi kata kerja (الفِعْلُ) dan tidak

mengalami proses morfologi. Definisi yang dikemukakan oleh al-

Sayūṭīy dilihat seperti berikut:

.....(هِيَ أَسْمَاءٌ قَامَتْ مَقَامَهَا, أَيَّ مَقَامِ الْفِعْلِ, فِي الْعَمَلِ غَيْرَ مُتَصَرِّفَةٍ) لَا تَصْرَفُ الْأَفْعَالِ.....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:81)

Maksudnya:

*“.....Ia merupakan kata nama yang memainkan peranan kata kerja ketika berfungsi, tiada proses morfologi bahkan **tidak mengalami proses morfologi sebagaimana kata kerja.....”***

### 5.3.1(b) Dari Aspek Kategori Kata Nama Fi'I (اسْمُ الْفِعْلِ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) dari aspek kategori dapat dirujuk menerusi jadual 5.17.

**Jadual 5.17** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) dari aspek kategori .

Aspek Perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Kategori .	<p>1. Kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) yang diikuti oleh kata nama ma'tūf (الْمَعْتُوفُ).</p> <p>2. kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berasal daripada zaraf (الظَّرْفُ) dan jar majrur (جَارٌ مَجْرُورٌ).</p>	<p>1. Kategori yang menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا) , وَإِيَّهَا , وَيَبِهَا (لُزُومًا) atau harus (جَوَازًا).</p> <p>2. Kategori tidak menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا) atau harus (جَوَازًا)</p> <p>3. Murakkab mazjan (مُرَكَّبٌ مَزْجًا).</p>

Jadual 5.17 melihatkan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) dari aspek kategori. Sībawayh telah membahagikan kata nama fi'i (اسْمُ الْفِعْلِ) kepada beberapa kategori berikut:

1. Kategori yang dimaksudkan ialah kategori kata nama fi'l ( اِسْمُ ) yang diikuti oleh kata nama ma'tūf ( اَلْمَعْطُوفُ ). Dalam keadaan ma'tūf polanya adalah seperti berikut رُوِيَ كُمْ اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ dengan maksud اِفْعَلُوا اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ ini adalah bentuk yang bagus (حَسَنٌ) tetapi sekiranya ia datang seperti pola berikut وَ عَبْدُ اللّٰهِ رُوِيَ كُمْ ia adalah tidak bagus (قُبْحٌ). Penjelasan ini diterangkan sebagaimana berikut:

أَمَّا اَلْمَعْطُوفُ فَكَقَوْلِكَ: " رُوِيَ كُمْ اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ " كَأَنَّكَ قُلْتَ: " اِفْعَلُوا اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ " , لِأَنَّ اَلْمُضْمَرَ فِي النِّبْيَةِ مَرْفُوعٌ, فَهُوَ يَجْرِي مَجْرَى اَلْمُضْمَرِ يُبَيِّنُ عِلْمَتَهُ فِي اَلْفِعْلِ فَإِنْ قُلْتَ: " رُوِيَ كُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ " , فَهُوَ أَيْضًا رَفَعٌ وَفِيهِ قُبْحٌ.....

(Sībawayh:1999:1: 304)

Maksudnya:

“ *Kategori yang dimaksudkan ialah kategori kata nama fi'l ( اِسْمُ اَلْفِعْلِ ) yang diikuti oleh kata nama ma'tūf ( اَلْمَعْطُوفُ ). Dalam keadaan ma'tūf polanya adalah seperti berikut رُوِيَ كُمْ اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ dengan maksud اِفْعَلُوا اَنْتُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ ini adalah bentuk yang bagus (حَسَنٌ) tetapi sekiranya ia datang seperti pola berikut وَ عَبْدُ اللّٰهِ رُوِيَ كُمْ ia adalah tidak bagus (قُبْحٌ). Penjelasan ini diterangkan sebagaimana berikut: رُوِيَ كُمْ وَ عَبْدُ اللّٰهِ ia adalah tidak bagus (قُبْحٌ).*

2. Kategori yang seterusnya ialah kata nama fi'ī (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berasal daripada ḥarf (الظَّرْفُ) dan partikel jār majrūr (جَارٌ مَجْرُورٌ).

Kategori ini mempunyai beberapa bahagian iaitu; Kata nama fi'ī (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berfungsi dengan kata kerja transitif

/memerlukan objek sama ada dari jenis kata kerja suruhan (الأَمْرُ)

seperti عَلَيْكَ زَيْدٌ, دُونَكَ زَيْدًا, عِنْدَكَ زَيْدًا atau tegahan (النَّهْيُ) seperti

حَدَارِكَ زَيْدًا, حَذَرَكَ زَيْدًا dan yang kedua ialah kata nama fi'ī (اسْمُ الْفِعْلِ)

yang berfungsi dengan kata kerja intransitif /tidak memerlukan

objek sama ada dari jenis kata kerja suruhan (الأَمْرُ) seperti مَكَاتِكَ,

فَرَطَكَ, أَمَامَكَ, إِلَيْكَ, وَرَاءَكَ (النَّهْيُ) seperti بَعْدَكَ

Keterangan ini dapat diperolehi melalui ayat berikut:

وَهَذَا بَابٌ مِنَ الْفِعْلِ سُمِّيَ الْفِعْلُ فِيهِ بِأَسْمَاءٍ مُضَافَةٍ أَي : أَسْمَاءُ الْأَفْعَالِ الْمُنْقُولَةِ عَنْ ظَرْفٍ

أَوْ جَارٍ وَمَجْرُورٍ ..... وَمِنْهَا مَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ إِلَى مَأْمُورِهِ وَمِنْهَا مَا يَتَعَدَّى الْمَنْهِيَّ إِلَى

مَنْهِيٍّ عَنْهُ ..... فَأَمَّا مَا يَتَعَدَّى الْمَأْمُورَ إِلَى مَأْمُورِهِ فَهُوَ قَوْلُكَ : "عَلَيْكَ زَيْدٌ", "دُونَكَ

زَيْدًا", و "عِنْدَكَ زَيْدًا" ..... وَأَمَّا مَا تَعَدَّى الْمَنْهِيَّ إِلَى مَنْهِيٍّ عَنْهُ فَنَحْوُ قَوْلِكَ : "حَذَرَكَ زَيْدًا",

"حَدَارِكَ زَيْدًا" .....

(Sībawayh:1999:1: 304)

Maksudnya:

“ Kategori yang seterusnya ialah kata nama fi’l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berasal daripada *ẓarf* (الظَّرْفُ) dan partikel *jār majrūr* (جَارٌ مَجْرُورٌ). Kategori ini mempunyai beberapa bahagian iaitu; Kata nama fi’l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berfungsi dengan kata kerja transitif /memerlukan objek sama ada dari jenis kata kerja suruhan (الْأَمْرُ) seperti *عِنْدَكَ زَيْدًا , دُونَكَ زَيْدًا , عَلَيْكَ زَيْدًا* atau tegahan (النَّهْيُ) seperti *حَدَارِكَ زَيْدًا , حَذَرَكَ زَيْدًا* dan yang kedua ialah kata nama fi’l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berfungsi dengan kata kerja intransitif /tidak memerlukan objek sama ada dari jenis kata kerja suruhan (الْأَمْرُ)”

3. Kata nama fi’l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berasal daripada *ẓarf* (الظَّرْفُ) dan partikel *jār majrūr* (جَارٌ مَجْرُورٌ). Mempunyai ciri yang sama dari aspek *’aṭaf* dan *ṣifaṭ*. ada bentuk yang bagus (حَسَنٌ) dan yang tidak bagus (فَيْحٌ) Ini adalah kerana pelaku pada al-Ma’mūr (الْمَأْمُورُ) dan al-manhīy (الْمَنْهِي) dalam perbincangan ini terungkap dalam niat (مُضْمَرَانِ فِي النِّيَّةِ). Pola ini tidak boleh diterima , *رُوَيْدَهُ زَيْدًا* , disebabkan tujuan ujaran bukan terhadap pihak kedua (الْمُخَاطَبُ) dan disebabkan ia bukan kata kerja.

Sementara itu, al-Sayūṭīy turut mempunyai kategori dalam ulasannya terhadap kata nama fi’l (اسْمُ الْفِعْلِ). Namun kategorinya amat berbeza dengan kategori oleh Sībawayh.

1. Kategori yang menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا)

atau harus (جَوَازًا) seperti إِيَّهِ , مَهٍ , صَهٍ , وَإِيَّهَا , وَهِيَ

ditinjau menerusi pernyataan berikut:

(وَمَا نُؤْنَنَّ مِنْهَا) لُزُومًا نَحْوَ: وَهِيَ , وَإِيَّهَا , وَإِيَّهَا أَوْ جَوَازًا كَصَهٍ , مَهٍ , إِيَّهِ...

(Al-Sayūṭīy 1997:3:83)

Maksudnya:

“ **Kategori yang menerima baris dua (التَّنْوِينُ) secara pasti (لُزُومًا) seperti إِيَّهِ , مَهٍ , صَهٍ , وَإِيَّهَا , وَهِيَ atau secara pilihan seperti إِيَّهِ , مَهٍ , صَهٍ , وَإِيَّهَا , وَهِيَ** ”.

2. Kategori tidak menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا)

atau harus (جَوَازًا) seperti kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) dan بَلُّهُ .

Al-Sayūṭīy menghuraikan isu ini dalam rangkap berikut:

(وَعَيْرُهُ): أَيِّ مَالَمَ يُنَوِّنُ , إِمَّا جَوَازًا كَمَا ذُكِرَ , أَوْ لُزُومًا كَأَمِينٍ وَبَلُّهُ...

(Al-Sayūṭīy 1997:3:83)

Maksudnya:

“ **Manakala yang selainnya merupakan kategori yang tidak tidak menerima baris dua (التَّنْوِينُ) secara wajib (لُزُومًا) atau harus (جَوَازًا) seperti kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) dan بَلُّهُ ...** ”

3. Kategori yang melibatkan masa lampau seperti هَيَّاتَ . Hal ini

dapat dilihat dengan jelas melalui penjelasan ini.

.....(وَقَدْ تَدُلُّ عَلَى حَدَثٍ (مَاضٍ: كَهَيْهَاتَ) بِمَعْنَى: بَعْدَ.....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:84)

Maksudnya:

“ ...terdapat kategori kata nama *fi'il* (اسْمُ الْفِعْلِ) yang melibatkan masa lampau seperti هَيْهَاتَ dengan makna telah semakin jauh بَعْدَ... ”

4. Kategori yang seterusnya ialah murakkab mazjan (مُرَكَّبٌ مَزْجًا). Ia

dapat dilihat menerusi penjelasan berikut:

.....(وَمِنْهَا) مَا هُوَ (مُرَكَّبٌ مَزْجًا كَحَيْهَلُ) اسْمٌ مُرَكَّبٌ مِنْ حَيٍّ بِمَعْنَى: أَقْبَلَ, وَهَلَا بِمَعْنَى قَرَّ

وَتَقَدَّمَ.....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:85)

Maksudnya:

“ ... Terdapat kategori lain yang dikenali sebagai murakkab mazjan (مُرَكَّبٌ مَزْجًا) seperti perkataan حَيْهَلُ yang merupakan gabungan daripada perkataan حَيٍّ yang bermakna terimalah (أَقْبَلَ) dan perkataan هَلَا bermakna majulah (تَقَدَّمَ) ...”

5.3.2 Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-

Sayūṭīy berkaitan Penggabungan (الإِضَافَةُ).

Perbincangan tentang perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara

Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan dengan penggabungan (الإِضَافَةُ)

dalam bahagian ini meliputi perbezaan dari aspek definisi penggabungan (الإِضَافَةُ), aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي), aspek pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ) dan dari aspek transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا).

### 5.3.2(a). Dari Aspek Definisi Penggabungan (الإِضَافَةُ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan Penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek definisi dapat dilihat menerusi jadual 5.18.

**Jadual 5.18** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek definisi .

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Definisi	<p>...bab ini membincangkan perkataan yang mengalami proses pengulangan ketika penggabungan (الإِضَافَةُ) ... sementara kedudukan perkataan yang pertama sama dengan kedudukan perkataan yang lain seperti ungkapan anda <i>يَا زَيْدُ زَيْدَ الْيَعْمَلَاتِ الدَّابِلِ</i> dan <i>وَ (يَا زَيْدُ زَيْدَ أَنْحِينَا) ...</i></p>	<p>...Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْحُرُّ)... yang paling tepat untuk diperkatakan bahawa yang pertama itu ialah kata nama mudhaf (المُضَافُ) sementara kata nama yang kedua adalah kata nama mudhaf ilaihi (مُضَافٌ إِلَيْهِ)...</p>

Jadual 5.18 menunjukkan perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan penggabungan (الإضافة) dari aspek definisi. Sībawayh mendefinisikan penggabungan (الإضافة) sebagai proses pengulangan kata nama yang bertujuan menguatkan ujaran (التوكيد). Ia berlaku dalam keadaan penggabungan (الإضافة) seperti يَا زَيْدَ زَيْدَ الْعَمَلَاتِ الذُّبَلِ perkataan زَيْدَ yang kedua yang terletak di antara muḍāf (المُضَافُ) dan muḍāf ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ) wajib akusatif (النصب). Sementara perkataan زَيْدَ yang pertama boleh secara akusatif dan boleh terbina di atas ḍammaṭ (الضمة). Definisi yang dibuat oleh Sībawayh adalah berdasarkan pernyataan beliau seperti berikut:

بَابُ مَا يُكْرَرُ فِيهِ الْإِسْمُ فِي حَالِ الْإِضَافَةِ وَ يَكُونُ الْأَوَّلُ بِمَنْزِلَةِ الْآخِرِ وَذَلِكَ قَوْلُكَ: (يَا زَيْدَ زَيْدَ عمرو), وَ (يَا زَيْدَ زَيْدَ أحياناً).... وَذَلِكَ لِأَنَّهُمْ قَدْ عَلِمُوا أَنَّهُمْ لَوْ لَمْ يُكْرَرُوا الْإِسْمَ، كَانَ الْأَوَّلُ نَصْبًا، فَلَمَّا كَرَّرُوا الْإِسْمَ تَوَكَّيْدًا، تَرَكُوا الْأَوَّلَ ....

(Sībawayh:1999:2:209)

Maksudnya:

*“ bab ini membincangkan perkataan yang mengalami proses pengulangan ketika penggabungan (الإضافة)... sementara kedudukan perkataan yang pertama sama dengan kedudukan perkataan yang lain seperti ungkapan anda يَا زَيْدَ زَيْدَ الْعَمَلَاتِ الذُّبَلِ dan يَا زَيْدَ زَيْدَ أحياناً ...yang demikian itu disebabkan mereka mengetahui jika*

mereka tidak mengulangi perkataan tersebut, perkataan yang pertama berada secara akusatif (التَّصْبُ). Ketika mereka mengulangi perkataan dengan tujuan menguatkan ujaran (التَّوَكِيدُ) mereka akan meninggalkan yang pertama....”

Sementara al-Sayūṭīy mendefinisikan penggabungan (الإِضَافَةُ) sebagai hubungan yang wujud hasil perkaitan dua kata nama yang menyebabkan kata nama kedua berada pada kedudukan genitif (الْجُرُّ). Kata nama yang pertama dinamakan sebagai muḍāf (المُضَافُ) dan yang kedua dinamakan muḍāf ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ). Perbezaan definisi berkenaan penggabungan (الإِضَافَةُ) oleh al-Sayūṭīy dapat dilihat seperti berikut:

نِسْبَةُ تَقْيِيدِيَّةٍ بَيْنَ إِسْمَيْنِ تُوجِبُ لِثَانِيهِمَا الْجُرُّ.....(وَالْأَصْحَحُ أَنَّ الْأَوَّلَ)...(المُضَافُ وَالثَّانِي)...(المُضَافُ إِلَيْهِ)....

(Al-Sayūṭīy 1997:2:411)

**“ Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْجُرُّ)... yang paling tepat untuk diperkatakan bahawa yang pertama itu ialah kata nama muḍāf (المُضَافُ) sementara kata nama yang kedua adalah kata nama muḍāf ilayhi (مُضَافٌ إِلَيْهِ)... ”**

### 5.3.2(b). Dari Aspek Penggabungan (الإِضَافَةُ) Dengan Huruf Ya (ي).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) dapat dilihat menerusi jadual 5.19

**Jadual 5.19** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي).	<p>“ Ketahuilah sesungguhnya huruf ya (ي) yang digabungkan (الإِضَافَةُ) akan gugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti keadaan baris dua (التَّنْوِينُ) ketika mufrad. Huruf ya (ي) akan digugurkan manakala perkataan yang penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) akan berbaris bawah (كَسْرَةٌ). Hal ini bertujuan untuk membezakan kata nama penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan selainnya. Seumpama ungkapan anda (يَا قَوْمِ لَا يَأْسَ عَلَيْكُمْ) dan firman Allah s.w.t. يَا عِبَادِ فَاتَّقُوا اللَّهَ</p> <p>perkataan”.</p>	<p>“ Perkataan yang digabungkan dengan huruf ya (الْيَاءُ) penggabungan (الإِضَافَةُ) akan bertanda dengan baris bawah (كَسْرَةٌ) kerana disesuaikan dengan huruf ya (الْيَاءُ) kecuali perkataan yang menunjukkan bilangan dua (مِثْنَى) dan kata jamak (مَجْمُوعٌ) dan kata nama yang mengandungi huruf ‘illaṭ iaitu alif (ا) wāw (و) dan ya (ي)...”.</p>

Jadual 5.19 menunjukkan penekanan Sībawayh dalam aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) huruf ya (ي) dan impak kewujudan partikel seruan (النِّدَاءُ) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ). Penekanan yang paling jelas di sini ialah pengguguran huruf ya (ي) tersebut. Manakala fleksi perkataan yang bergabung (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) ialah baris bawah (كَسْرَةٌ). Selain itu, beliau turut menjelaskan tujuan pengguguran huruf ya (ي) sebagai membezakan kata nama penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan selainnya. Pernyataan beliau dapat diperhatikan seperti berikut:

إِعْلَمَ أَنَّ يَاءَ الإِضَافَةِ لَا تَثْبُتُ فِي النَّدَاءِ كَمَا لَمْ يَثْبُتِ التَّنْوِينُ فِي الْمَفْرَدِ.... فَخُذِفَ وَتُرِكَ آخِرُ الإِسْمِ  
جَرًّا لِيَفْصَلَ بَيْنَ الإِضَافَةِ وَغَيْرِهَا.... وَذَلِكَ قَوْلُكَ: (يَا قَوْمِ لَأَبَأْسَ عَلَيْكُمْ), وَقَالَ اللهُ جَلَّ تَنَاوُهُ: (يَا عِبَادِ  
فَاتَّقُونِ)

(Sībawayh:1999:2:213)

Maksudnya:

**“ Ketahuilah sesungguhnya ya yang digabungkan (الإِضَافَةُ) akan gugur sekiranya terdapat partikel seruan (النِّدَاءُ) seperti keadaan baris dua (التَّنْوِينُ) ketika mufrad. Huruf ya (ي) akan digugurkan manakala perkataan yang digabungkan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) akan berbaris bawah (كَسْرَةٌ). Hal ini bertujuan untuk membezakan kata nama penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan selainnya. Seumpama ungkapan anda (يَا قَوْمِ لَأَبَأْسَ عَلَيْكُمْ) dan firman Allah s.w.t. يَا عِبَادِ فَاتَّقُونِ perkataan”**

Berbeza dengan al-Sayūṭīy, penekanan yang diberikan pada perbincangan topik ini lebih kepada menjelaskan sebab perkataan yang bergabung dengan huruf ya (ي) berbaris di bawah (كَسْرَةٌ) iaitu untuk disesuaikan dengan huruf ya (ي) begitujuga dengan jenis perkataan yang tidak dapat berbaris bawah (كَسْرَةٌ) sekalipun berlaku penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan huruf ya (ي) iaitu perkataan yang menunjukkan bilangan dua (مُتَشَي) dan kata jamak (مَجْمُوعٌ) dan kata nama yang mengandungi huruf illah iaitu alif (ا) waw (و) dan ya (ي).

Pernyataan beliau terdapat dalam petikan berikut:

(مَسْأَلَةٌ): (الْمُضَافُ لِلْيَاءِ بِكَسْرِ آخِرِهِ) لَمْ تَلَسْ بِقَايِئِ (إِلَّا مُتَشَيٌّ وَمَجْمُوعٌ) عَنِّي حِدَّةً, وَمَا حُمِلَ عَلَيْهِمَا, (وَمُعْتَلًا)...

(Al-Sayūṭīy 1997:2:435)

Maksudnya:

**“ Perkataan yang digabungkan dengan huruf ya (الياء) penggabungan (الإِضَافَةُ) akan bertanda dengan baris bawah (كَسْرَةٌ) kerana disesuaikan dengan huruf ya (الياء) kecuali perkataan yang menunjukkan bilangan dua (مُتَشَي) dan kata jamak (مَجْمُوعٌ) dan kata nama yang mengandungi huruf ‘illah iaitu alif (ا) wāw (و) dan ya (ي)...”**

### 5.3.2(c). Dari Aspek Pengguguran Huruf Ya (ي) Dalam

#### Penggabungan (الإِضَافَةُ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ) dapat dilihat dengan lebih terperinci menerusi jadual 5.20.

**Jadual 5.20** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ).	<i>...Penggugurannya lebih banyak dalam percakapan orang Arab...</i>	<i>...Sedikit penggugurannya iaitu huruf ya (ي) dengan bacaan baris bawah (كَسْرَةٌ) iaitu sebelumnya...</i>

Jadual 5.20 menjelaskan Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ). Sībawayh menjelaskan pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ) lebih banyak berbanding dengan mengekalkannya seperti dalam penjelasan berikut:

وَحَذْفُهَا أَكْثَرُ فِي كَلَامِ الْعَرَبِ ...

(Sībawayh:1999:2:214)

Maksudnya:

“ **Penggugurannya lebih banyak dalam percakapan orang Arab**”

Sebaliknya al-Sayūṭīy menekankan pengguguran huruf ya (ي) dalam penggabungan (الإِضَافَةُ) sangat sedikit seperti dalam penjelasan berikut:

(وَقَلَّ حَذْفُهَا ) أَي: الياءَ (مَعَ كَسْرِ الْمَتَلُوِّ) أَي مَا قَبْلَهَا...

(Al-Sayūṭīy 1997:2:435)

Maksudnya:

“ **Sedikit penggugurannya iaitu huruf ya (ي) dengan bacaan baris bawah (كَسْرُهُ) iaitu sebelumnya....** ”

### 5.3.2(d). Dari Aspek Transformasi Huruf Ya (ي) Kepada Huruf Alif (ا)

(ا)

**Jadual 5.21** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan penggabungan (الإِضَافَةُ) dari aspek transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا).	“ Kadang-kadang mereka menukar kedudukan huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا) kerana ia lebih ringan ... seperti ungkapan anda يَا غُلَامًا لَا تَفْعَلْ ...”	Sedikit sahaja yang menukarkannya (huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا))

Jadual 5.21 Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan penggabungan (الإضافة) dari aspek transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا). Sībawayh menjelaskan transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا) dalam penggabungan (الإضافة) berlaku demi meringankan sebutan. Hal ini memang dilakukan oleh masyarakat Arab. Manakala al-Sayūṭīy menjelaskan transformasi huruf ya (ي) kepada huruf alif (ا) dalam penggabungan (الإضافة) amat sedikit. Sībawayh menghuraikan perbincangan tersebut dalam ungkapannya yang berikut:

وَقَدْ يُبَدِّلُونَ مَكَانَ الْبَاءِ الْأَلْفَ لِأَنَّهَا أَخْفُ ..... وَذَلِكَ قَوْلُكَ: ... (يَا غُلَامًا لَا تَفْعَلْ) .....

(Sībawayh:1999:2:214)

Maksudnya:

“ Kadang-kadang mereka **menukar kedudukan huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا)** kerana ia lebih ringan ... seperti ungkapan anda يَا غُلَامًا لَا تَفْعَلْ ... ”

Berbeza dengan pandangan al-Sayūṭīy yang menegaskan hanya sedikit sahaja yang pertukaran (huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا)).

Penjelasan al-Sayūṭīy terkandung dalam petikan berikut “ (وَ) قَلَّ قَلْبُهَا ”

...أَلْفًا) ” (al-Sayūṭīy 1997:2:437) maksudnya “ **Sedikit sahaja yang menukarkannya** (huruf ya (ي) dengan huruf alif (ا) ”.

### 5.3.3 Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama terbitan (المصدر).

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama terbitan (المصدر) melibatkan perbincangan dari aspek fungsi dan aspek penggabungan kata nama terbitan (المصدر) dengan kata keterangan (الظرف).

#### 5.3.3 (a) Dari Aspek Fungsi.

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan kata nama terbitan (المصدر) dari segi fungsi ditunjukkan dalam jadual 5.22.

**Jadual 5.22** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dari segi fungsi .

Aspek Perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Fungsi	“ Ini merupakan satu bab kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) seperti kata kerja kala kini (فِعْلُ الْمُضَارِعِ) dari aspek fungsi dan makna...”	“ (kata nama terbitan): iaitu perbincangan tentang fungsinya. (berfungsi seperti kata kerja (الفِعْلُ) sama ada kata kerja itu tak transitif (لَا زِمٌّ) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih (مُتَعَدِّيٌّ إِلَى وَاحِدٍ أَوْ أَكْثَرَ) ... Oleh yang demikian, fungsi kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) tidak dapat dikaitkan dengan masa ”.

Jadual 5.22 memaparkan Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) dari segi fungsi . Sībawayh menjelaskan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) hanya berfungsi dengan fungsi kata kerja kala kini (فِعْلُ الْمُضَارِعِ) termasuk aspek maknanya. Oleh yang demikian, ayat ini أَنَّهُ يَضْرِبُ زَيْدًا عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدًا sama fungsi dan maknanya dengan . Penjelasan Sībawayh dapat dilihat seperti berikut:

هَذَا بَابٌ مِنَ الْمَصَادِرِ جَرَى مَجْرَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ فِي عَمَلِهِ وَ مَعْنَاهُ ...

(Sībawayh:1999:1:249)

Maksudnya:

“ Ini merupakan satu bab **kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ)** seperti **kata kerja kala kini (فِعْلُ الْمَضَارِعِ)** dari aspek fungsi dan makna...”

Manakala al-Sayūṭīy berbeza dengan Sibawayh dalam penjelasan di atas, dari aspek fungsi kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang menyerupai kata kerja tidak transitif (لَا زِمًا) atau transitif kepada satu objek, dan lebih (مُتَعَدِّي إِلَى وَاحِدٍ أَوْ أَكْثَرَ). Selain itu, beliau turut menjelaskan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) tidak boleh dikaitkan dengan masa (بِزَمَانٍ). Pernyataan beliau dapat dilihat dengan jelas menerusi petikan berikut:

(الْمَصْدَرُ أَي: هَذَا مَبْحَثُ إِعْمَالِهِ. يَعْمَلُ كَفِعْلِهِ) لَا زِمًا, وَمُتَعَدِّيًا إِلَى وَاحِدٍ, فَأَكْثَرَ... وَلِذَا لَمْ يَتَقَيَّدَ

عَمَلُهُ بِزَمَانٍ.

(Al-Sayūṭīy 1997:3:43)

Maksudnya:

“ (kata nama terbitan): iaitu perbincangan tentang fungsinya. (berfungsi seperti kata kerja (الفِعْلُ) sama ada kata kerja itu tak transitif (لَا زِمًا) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih (مُتَعَدِّي إِلَى وَاحِدٍ أَوْ أَكْثَرَ)...Oleh yang demikian, fungsi kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) tidak dapat dikaitkan dengan masa ”.

### 5.3.3 (b) Penggabungan Kata Nama Terbitan (المَصْدَرُ) Dengan Kata

#### Keterangan (الظَرْفُ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama terbitan (المَصْدَرُ)

dari aspek kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dengan kata keterangan (الظَرْفُ)

dapat dilihat dengan jelas melalui jadual 5.23.

**Jadual 5.23** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dari aspek kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dengan kata keterangan (الظَرْفُ).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭīy
Penggabungan kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dengan kata keterangan (الظَرْفُ).	...Perkataan (الليّلة) berperanan selari dengan kata kerja (الفعال) untuk meluaskan ujaran seperti dalam ujaran ini صبيدَ عَلَيْهِ يَوْمَانِ dan ...وُلِدَ لَهُ... سِتُونَ عَامًا	...Digabungkan kepada kata nama keterangan (ظَرْفُ), lalu berfungsi terhadap perkataan yang selepasnya secara nominitif (رَفْعُ) dan akusatif (نَصْبُ) ...

Jadual 5.23 menunjukkan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan

kata nama terbitan (المَصْدَرُ) dari aspek kata nama terbitan (المَصْدَرُ)

dengan kata keterangan (الظَرْفُ). Sekalipun persamaan topik ini telah

dibincangkan sebelum ini, namun tinjauan dengan lebih halus

mendapati terdapat perbezaan antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy. Dari

perspektif Sibawayh beliau menjelaskan penggabungan kata keterangan الضَّرْبُ (المَصْدَرُ) dengan kata nama terbitan (الْيَوْمُ) iaitu ضَرْبِ bertujuan untuk meluaskan ujaran seperti yang dikatakan oleh Sibawayh:

فَتَجْرِي (اللَّيْلَةَ) عَلَى الْفِعْلِ فِي سُرْعَةِ الْكَلَامِ كَمَا قَالَ: (صَيْدَ عَلَيْهِ يَوْمَانِ) (وَوُلِدَ لَهُ سِتُونَ عَامًا)

(Sibawayh:1999:1:233)

Maksudnya:

“ **Perkataan (اللَّيْلَةَ) berperanan selari dengan kata kerja (الْفِعْلِ) untuk meluaskan ujaran seperti dalam ujaran ini صَيْدَ عَلَيْهِ يَوْمَانِ dan ...وَوُلِدَ لَهُ سِتُونَ عَامًا.**”

Contoh penggabungan dengan kata keterangan seperti عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ

الْيَوْمِ زَيْدًا sebagai kiasan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Hal ini terdapat

dalam penjelasan berikut:

عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا... لِأَنَّهُمْ لَمْ يَجْعَلُوهُ فِعْلًا أَوْ فَعَلَ شَيْئًا فِي الْيَوْمِ إِنَّمَا هُوَ بِمَنْزِلَةِ "اللَّهِ

وتقول: بِاللَّهِ"

(Sibawayh:1999:1:255)

Maksudnya:

“ **Anda boleh mengungkapkan عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِ الْيَوْمِ زَيْدًا kerana mereka tidak menjadikannya kata kerja mahupun melakukan sesuatu ke ataa perkataan الْيَوْمِ. Sesungguhnya ia sama kedudukannya seperti "اللَّهُ بِاللَّهِ"**”

Manakala penerangan al-Sayūṭīy berkaitan dengan topik ini terdapat dalam petikan berikut:

(و) يُضَافُ (لِظَرْفٍ) فَيَعْمَلُ فِيمَا بَعْدَهُ رَفَعًا وَنَصْبًا)....

(Al-Sayūṭīy 1997:3:50)

Maksudnya:

“ **Digabungkan kepada kata nama keterangan (ظرف)**, lalu berfungsi terhadap perkataan yang selepasnya secara nominitif (رفع) dan akusatif (نصب) ..... ”

#### 5.3.4 Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-

Sayūṭīy berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy dalam

bahagian ini berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ). Perbincangan

melibatkan aspek-aspek perbezaan seperti aspek fungsi, aspek

penggabungan (الإضافة) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dan sifat

musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (أل).

##### 5.3.4(a) Dari Aspek Fungsi

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ

الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek fungsi digambarkan dalam jadual 5.24.

**Jadual 5.24** Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek fungsi.

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Fungsi	<p>...Ini merupakan bab perbincangan kata şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang menyerupai kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) dari segi fungsi, akan tetapi ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ) ”</p>	<p>...Şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan Lam (بِأَلٍ) dan tidak bergandingan dengan alif dan Lam (بِأَلٍ) manakala kata nama nominitif (الْمَرْفُوعُ) selepasnya merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) ”</p>

Jadual 5.24 menggambarkan Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek fungsi. Kedua-dua tokoh ini telah mempunyai persamaan dalam membincangkan topik ini. Mereka bersetuju untuk menyatakan şifaţ musyabbahaţ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) berfungsi terhadap perubah fleksinya (مَعْمُولٌ). Namun menurut Sībawayh ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ). Hal ini telah dibincangkan dalam dalam kitab masing-masing. Pernyataan Sībawayh berkaitan perbincangan ini dapat dilihat seperti berikut:

هَذَا بَابُ الصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ بِالْفَاعِلِ فِيمَا عَمِلَتْ فِيهِ وَلَمْ تَقْوِ أَنْ تَعْمَلَ عَمَلَ الْفَاعِلِ لِأَنَّهَا لَيْسَتْ فِي مَعْنَى

الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ

(Sībawayh 1999:1:255)

Maksudnya:

“ Ini merupakan bab perbincangan kata *ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang menyerupai kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) dari segi fungsi, akan tetapi ia tidak berupaya berfungsi sebagai kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) kerana ia tidak mengandungi makna kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ) ”.

Manakala al-Sayūṭīy pula menyatakan fungsinya menjadikan kata nama selepasnya nominatif (مَرْفُوعٌ) sebagai pelaku (الْفَاعِلُ) ketika berganding dengan alif dan lām (آل) atau tidak bergandingan manakala perkataan selepasnya merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya *ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

(وَتَعْمَلُ مَعَ آلٍ مُقْتَرَنَةً بِهَا (وَدُونَهَا رَفْعًا) عَلَى أَنْ يُعْرَبَ الْمَرْفُوعُ بِهَا (فَلِعْلًا) بِهَا...

(Al-Sayūṭīy 1998:3:54)

Maksudnya:

“*Ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām (آل) dan tidak bergandingan dengan alif dan lām (آل) terhadap kata nama selepasnya secara *nominitif* (الْمَرْفُوعُ). Manakala perkataan tersebut merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya *ṣifaṭ musyabbahaṭ* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)

**5.3.4(b) Dari Aspek Penggabungan (الإِضَافَةُ) Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).**

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 5.25.

**Jadual 5.25** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Penggabungan (الإِضَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).	<p>“Perkataan سَيِّئِي dalam وَلَا سَيِّئِي زِي إِذَا مَا تَلَسُّوْا إِلَيَّ .حَاجَةٌ يَوْمًا مُخَيِّسَةٌ بَرًّا . merupakan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang digabungkan dengan perkataan زِي yang merupakan katanama am”.</p>	<p>“penggabungan (الإِضَافَةُ) kurang sesuai bagi şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang tidak bergandingan dengan alif dan lām (أل). Dalam masa yang sama ia bergabung dengan satu kata nama muḍāf yang bersambung dengan gantinama seperti ”حَسَنٌ وَجْهُهُ”</p>

Jadual 5.25 menjelaskan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek penggabungan (الإِضَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ). Walaupun Sībawayh dan al-Sayūṭiy

bersetuju membincangkan penggabungan (الإِضَافَةُ) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dalam perbincangan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan dengan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ), namun mereka berbeza pendapat dalam beberapa aspek. Sibawayh dalam penghuraiannya berkaitan dengan penggabungan (الإِضَافَةُ) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) menyatakan penggabungan (الإِضَافَةُ) dalam sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) boleh berlaku dengan katanama am (نَكْرَةٌ) sebagaimana yang terdapat dalam bait syair

وَلَا سَيِّي زِيٌّ إِذَا مَا تَلَبَّسُوا إِلَى حَاجَةٍ يَوْمًا مُخَيَّسَةً بَرًّا

Perkataan سَيِّي merupakan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang digabungkan dengan perkataan زِيٌّ. Sebaliknya al-Sayūṭīy menyatakan penggabungan (الإِضَافَةُ) sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) menjadi wajib dengan gantinama yang bersambung dengannya ketika sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) itu tidak bergandingan dengan alif dan lām (أل) seperti مَرَرْتُ بِرَجُلٍ حَسَنِ الْوَجْهِ حَمِيْلِهِ (Al-Sayūṭīy 1998:3:55). Dari aspek yang lain pula al-Sayūṭīy menyatakan penggabungan (الإِضَافَةُ) kurang sesuai bagi sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang tidak bergandingan dengan alif dan lām (أل). Dalam masa yang sama ia bergabung dengan satu kata nama muḍāf yang bersambung dengan

gantinama seperti حَسَنٌ وَجْهٍ. Penjelasan tersebut terdapat di dalam

petikan berikut:

(وَقَبِحُ الْإِضْرَافُ حَالٌ لَكُونَ الصَّرْفِ دُونَ أَلٍ (إِلَى حُرَافٍ لِضَمِّ يٍ) وَهُوَ مِثَالُ: حَسَنٌ وَجْهٍ...)

(Al-Sayūṭīy 1998:3:55).

Maksudnya:

“**penggabungan (الإِضْرَافَةُ) kurang sesuai bagi sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang tidak bergandingan dengan alif dan lām (أَلٍ) yang bergabung dengan satu kata nama muḍāf yang bergabung dengan gantinama seperti حَسَنٌ وَجْهٍ...**”

#### **5.3.4(c) Sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) Yang Bergandingan**

**Dengan Alif Dan Lām (أَلٍ).**

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ

الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan

dengan alif dan lām (أَلٍ) dapat dijelaskan menerusi jadual 5.26.

**Jadual 5.26** Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (أل).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (أل).	<p>“ Dengan kemasukkan alif dan Lam ( بَأَل ) pada perkataan " الْحَسَن ” menyebabkan ia dapat berfungsi seperti ungkapan yang terdapat dalam kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) " الضَّارِبُ زَيْدًا ”. Berdasarkan prinsip ini anda boleh mengungkapkan ungkapan sifat musyabbahaṭ ( الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ ) " هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ ( الْمُشَبَّهَةُ ) ”.</p>	<p>“Sifat musyabbahaṭ ( الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām ( بَأَل ) dan tidak bergandingan dengan alif dan Lām ( بَأَل ). Kata nama nominitif ( الْمَرْفُوعُ ) selepasnya merupakan pelaku ( الْفَاعِلُ ) kepadanya (sifat musyabbahaṭ ( الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ ) ”.</p>

Jadual 5.26 memperlihatkan perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan Lām (أل). Walaupun terdapat persamaan dari aspek sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan Lām (أل) di antara Sībawayh dengan al-Sayūṭiy, namun masing-masing turut menampilkan perbezaan dari beberapa aspek. Sībawayh menjelaskan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang menerima alif dan Lām ( بَأَل ) berfungsi menjadikan

perkataan selepasnya akusatif (التَّصْبُ). Ia hadir seperti pola berikut ini

هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ. Perspektif Sibawayh dapat ditelusuri seperti berikut:

فِيئَمَا أُدْخِلَتِ الْأَلِفُ وَاللَّامُ فِي "الْحَسَنِ" ثُمَّ أَعْمَلْتُهُ، كَمَا قَالَ "الضَّارِبُ زَيْدًا". وَعَلَى هَذَا الْوَجْهِ

تَقُولُ: "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ", وَهِيَ عَرَبِيَّةٌ جَيِّدَةٌ. قَالَ الشَّاعِرُ فَمَا قَوْمِي بِتَعَلُّبَةِ بْنِ سَعْدٍ وَلَا بِفَزَارَةَ الشُّعْرِ

الرَّقَابَا.

(Sibawayh 1999:1:253)

Maksudnya:

**" Dengan kemasukan alif dan Lām ( بَال ) pada perkataan "الْحَسَنُ" menyebabkan ia dapat berfungsi seperti ungkapan yang terdapat dalam kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) "الضَّارِبُ زَيْدًا". Berdasarkan prinsip ini anda boleh mengungkapkan ungkapan sifat musyabbahaṭ (الْصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ) "هُوَ الْحَسَنُ الْوَجْهَ" (الْمَشْبَهَةُ**

Bagi al-Sayūṭīy sifat musyabbahaṭ (الْصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ) yang berganding

dengan alif dan Lām ( بَال ) turut menjadi agen nominatif (الرَّفْعُ) dan

sebagai agen genitif (الْحَرُّ) seperti dalam penjelasan berikut:

(وَتَعْمَلُ مَعَ أَلٍ مُّقْتَرِنَةً بِهَا (وَدُونِهَا رَفْعًا) عَلَى أَنْ يُعْرَبَ الْمَرْفُوعُ بِهَا (فَاعِلًا) بِهَا...

(Al-Sayūṭīy 1998:3:54)

Maksudnya:

**“Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām (بَال) dan tidak bergandingan dengan alif dan Lām (بَال). Kata nama nominitif (الْمَرْفُوعُ) selepsnya merupakan pelaku (الْفَاعِلُ) kepadanya (şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ).”**

Dan

(وَجَرًّا بِالِإِضَافَةِ وَفِي مَرَاتِبِهَا خِلَافٌ فِي مُجَرَّدٍ, وَمَقْرُونٍ بِأَلٍ, وَمُضَافٍ لَهُ) أَي لِمَقْرُونٍ بِأَلٍ (أَوْ

لِمُجَرَّدٍ, أَوْ لِضَمِيرٍ, أَوْ لِمُضَافٍ لَهُ) أَي لِلضَّمِيرِ...

(Al-Sayūṭīy 1998:3:54)

Maksudnya:

**“şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ) juga boleh berfungsi menjadikan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) berada secara genitif (الْجَرُّ) disebabkan penggabungan (الإِضَافَةُ) dengan susunan yang berbeza sama ada bergandingan dengan alif dan lām (بَال) atau tidak. Begitujuga keadaannya yang digabungkan (الإِضَافَةُ) dengan ganti nama (الضَّمِيرُ).”**

### 5.3.5 Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkaitan kata

nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Ia melibat aspek perbezaan seperti aspek

syarat untuk berfungsi, kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan

dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dan kesan penerimaan alif dan lām (أَل) ke atas

kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

### 5.3.5 (a) Perbezaan Dari Segi Syarat Untuk Berfungsi.

Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ)

dari aspek syarat berfungsi ditunjukkan dalam jadual 5.27.

**Jadual 5.27** Perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) dari aspek fungsi.

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Syarat Berfungsi	...Ini merupakan satu bab pibincangan tentang kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) yang berfungsi dengan fungsi kata nama dari aspek memerlukan objek dan makna. Sekiranya anda mahu melihat maknanya anda perlu melihat makna kata kerja (يُفَعِّلُ) dengan syarat kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) itu mestilah kata nama am (نَكْرَةٌ) dan berbaris dua (مَنْوُونٌ).	...Kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) berfungsi dengan fungsi kata kerja dalam beberapa keadaan seperti ketika menunjukkan bilangan satu (مُفْرَدٌ), ketika menunjukkan bilangan dua (مُتَنِيٌّ), ketika menunjukkan bilangan jama' lebih daripada dua (جَمْعٌ مُذَكَّرٌ السَّالِمِ) dan ketika jama' taksīr (جَمْعٌ التَّكْسِيرِ).

Jadual 5.27 menunjukkan perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) berkaitan

kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) dari aspek fungsi. Walaupun Sībawayh

dan al-Sayūṭiy senada menyatakan kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) boleh

berfungsi dengan fungsi kata kerja namun jika dilihat secara lebih

terperinci ternyata ulasan mereka amat berbeza. Sībawayh

menyatakan fungsi dan makna kata nama pelaku (اسمُ الفاعِلِ) sama

dengan kata kerja kala kini (فِعْلُ الْمُضَارِعِ) dengan syarat kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) itu mestilah kata nama am (نَكْرَةٌ) dan bertanwin (مُنَوَّنٌ).

Sementara al-Sayūṭīy menyatakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dapat berfungsi dengan fungsi kata kerja dengan syarat dalam keadaan tunggal (مُفْرَدٌ), ketika menunjukkan bilangan dua (مُثْنَى), ketika menunjukkan bilangan jama' lebih daripada dua (جَمْعُ مُذَكَّرِ السَّلَامِ) dan ketika jama' taksīr (جَمْعُ التَّكْسِيرِ). Keterangan oleh Sībawayh adalah seperti berikut:

هَذَا بَابٌ مِنْ اسْمِ الْفَاعِلِ الَّذِي جَرَى مَجْرَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ فِي الْمَفْعُولِ فِي الْمَعْنَى فَإِذَا أَرَدْتَ فِيهِ مِنَ الْمَعْنَى مَا أَرَدْتَ فِي (يَفْعَلُ) كَانَ نَكْرَةً مُنَوَّنًا.

(Sībawayh 1999:1:218)

Maksudnya:

*“ Ini merupakan satu bab pebincangan tentang kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang berfungsi dengan fungsi kata nama dari aspek memerlukan objek dan makna. Sekiranya anda mahu melihat maknanya anda perlu melihat makna kata kerja (يَفْعَلُ) dengan syarat kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) itu **mestilah kata nama am (نَكْرَةٌ) dan berbaris dua (مُنَوَّنٌ)** ”.*

Manakala keterangan dari pihak al-Sayūṭīy seperti berikut:

(وَيَعْمَلُ عَمَلًا فَعْلَهُ مُفْرَدًا أَوْ غَيْرَهُ) أَي مُثَنَّى، وَمَجْمُوعًا جَمَعَ سَلَامَةً، وَجَمَعَ تَكْسِيرًا.

(Al-Sayūṭīy 1997:3:53)

Maksudnya:

“ Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) berfungsi dengan fungsi kata kerja dalam beberapa keadaan seperti ketika menunjukkan bilangan satu (مُفْرَدًا), ketika menunjukkan bilangan dua (مُثَنَّى), ketika menunjukkan bilangan jama' lebih daripada dua (جَمْعُ مُذَكَّرِ السَّلَامِ) dan ketika jama' taksīr (جَمْعُ التَّكْسِيرِ) ”.

### 5.3.5 (b) Kata Nama Pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) Yang Memerlukan Dua Objek

(مَفْعُولٌ بِهِ).

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)

dari aspek kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek

(مَفْعُولٌ بِهِ) di pamirkan dalam jadual 5.28.

**Jadual 5.28** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ).	<p>... Demikian juga sekiranya anda hadir dengan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) maka objek (مَفْعُولٌ بِهِ) yang kedua lebih utama berada pada kedudukan akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا وَعُمْرٍو.</p> <p>Fleksi genitif (الْجُرُ) tidak berlaku ke atas perkataan "الدَّرَمِ"</p> <p>sebaliknya fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti yang anda telah jadikan perkataan tersebut berada secara akusatif (مَنْصُوبٌ)</p> <p>"</p>	<p>...kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh digabungkan dengan objeknya (مَفْعُولٌ بِهِ).</p>

Jadual 5.28 mempamerkan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ). Pernyataan sebelum ini mengatakan Sībawayh dan al-Sayūṭiy sepakat menyatakan bahawa kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) boleh jadi agen akusatif sekiranya ia berasal daripada kata kerja yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) tetapi Sībawayh memperincikan lagi perbincangan dengan mengatakan objek (مَفْعُولٌ بِهِ) yang kedua lebih utama berada pada

kedudukan akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا وَعُمُرًا. Hujah beliau dapat dilihat dalam petikan ini.

وَكَذَلِكَ إِنْ جِئْتَ بِاسْمِ الْفَاعِلِ الَّذِي تَعَدَّى فِعْلُهُ إِلَى مَفْعُولَيْنِ وَذَلِكَ قَوْلُكَ: " هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا وَعُمُرًا", إِذْ لَمْ يَخْرُجْ عَلَى "الدَّرَاهِمِ", وَالنَّصْبُ عَلَى مَا نَصَرْتَهُ عَلَيْهِ مَا أَقْبَلَهُ.

(Sībawayh 1999:1:231)

Maksudnya:

“ Demikian juga sekiranya anda hadir dengan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang perlu kepada dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) maka objek (مَفْعُولٌ بِهِ) yang kedua lebih utama berada pada kedudukan akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti هَذَا مُعْطِي زَيْدٍ دِرْهَمًا وَعُمُرًا. Fleksi genitif (الْجُرُ) tidak berlaku ke atas perkataan "الدَّرَاهِمِ" sebaliknya fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti yang anda telah jadikan perkataan tersebut berada secara akusatif (مَنْصُوبٌ) ”.

Sementara itu, tidak seperti Sībawayh yang menjelaskan kedudukan objek yang utama untuk berada secara akusatif (مَنْصُوبٌ) , Al-Sayūṭī hanya menjelaskan dari aspek hukum penggabungan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) iaitu harus. Hujah beliau dapat di fahami melalui petikan berikut:

(وَيُضَافُ لِمَفْعُولِهِ) جَوَازًا نَحْوُ: ﴿هَدْيًا بِلِغِ الْكَعْبَةِ﴾...و﴿غَيْرَ مُجَلَّى الصِّدِّ﴾.

(Al-Sayūṭī 1997:3:55)

Maksudnya:

“ **kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)** boleh digabungkan dengan **objeknya (مَفْعُولٌ بِهِ)** seperti ﴿هَدَيْنَا بِلُغِ الْكَعْبَةِ﴾ dan ﴿غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ﴾ ”.

### 5.3.5 (c) Kesan Penerimaan Alif Dan Lām (أل) Ke Atas Kata Nama

**Pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).**

Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)

dari aspek kesan penerimaan alif dan lām (أل) ke atas kata nama

pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ditunjukkan dalam jadual 5.29.

**Jadual 5.29** Perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek kesan penerimaan alif dan lām (أل) ke atas kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

Aspek perbezaan	Sībawayh	Al-Sayūṭiy
Kesan penerimaan alif dan lām (أل) ke atas kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).	<p>“ Ayat ( هَذَا ) الضَّارِبُ زَيْدٌ sama dengan ayat ( هَذَا الَّذِي ) ضَرَبَ زَيْدًا dari aspek makna dan fungsi... ”.</p>	<p>“ Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dengan alif dan lām (أل) berfungsi seperti kata kerja kala lampau (الْمَاضِي), kala kini (الْمُضَارِعُ) dan kala depan (الْمُسْتَقْبَلُ). Ini disebabkan oleh proses penggantian (التَّيَابَةُ) disebabkan oleh penggantian (التَّيَابَةُ). Oleh yang demikian, alif dan lām (أل) berfungsi menggantikan kata hubung الَّذِي dan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menggantikan pelaku yang menunjukkan kala lampau (الْمَاضِي) alif dan lām (أل) yang berfungsi menggantikan kata hubung الَّذِي. Manakala kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menggantikan pelaku yang menunjukkan kala lampau (الْمَاضِي).... ”.</p>

Jadual 5.29 menunjukkan perbezaan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dari aspek kesan penerimaan alif dan lām (أل) ke atas kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Sībawayh dan Al-Sayūṭiy sememangnya mempunyai persamaan pandangan dalam isu kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dengan

alif dan lām (أل). Namun mereka berbeza dari aspek kesan penerimaan alif dan lām (أل) ke atas kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

Menurut Sībawayh sekiranya kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menjadi nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dengan alif dan lām (أل) ia berfungsi sebagai agen akusatif (التَّصْبُّ) seperti هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا. Menurut Sībawayh ayat ini sama dengan هَذَا الَّذِي ضَرَبَ زَيْدًا dari aspek makna dan fungsi. Penjelasan ini dapat diperhati menerusi petikan berikut:

هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا) فَصَّارَ فِي مَعْنَى (هَذَا الَّذِي ضَرَبَ زَيْدًا) وَعَمِلَ عَمَلَهُ...

(Sībawayh 1999:1:241)

Maksudnya:

“*Ayat (هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا) sama dengan ayat (هَذَا الَّذِي ضَرَبَ زَيْدًا) dari aspek makna dan fungsi...*”.

Berbeza dengan al-Sayūṭīy, beliau menyatakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dengan alif dan lām (أل) berfungsi seperti kata kerja kala lampau (الْمَاضِي), kala kini (المُضَارِعُ) dan kala depan (المُسْتَقْبَلُ). Alasan yang diberikan ke atas fungsi tersebut adalah disebabkan oleh penggantian (التَّيَابَةُ). Oleh yang demikian, alif dan lām (أل) berfungsi menggantikan kata hubung الِوَيِّ dan kata nama

pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menggantikan pelaku yang menunjukkan kala lampau (الْمَاضِي). Beliau menjelaskan perbahaasan ini dalam petikan berikut:

(فَلَيْكَ لَكَانَ) اسْمُ الْفَاعِلِ (صِلَةٌ أَلْ فَالْجُمْهُورُ) أَنَّهُ (يَعْمَلُ مُطْلَقًا) مَاضِيًا وَحَالًا وَمُسْتَقْبَلًا لِأَنَّ عَمَلَهُ حِينَئِذٍ بِالنِّيَابَةِ  
فَنَابَتْ أَلْ عَنِ الَّذِي وَفُرُوعِهِ وَنَابَ اسْمُ الْفَاعِلِ عَنِ الْفَاعِلِ الْمَاضِي...

(Al-Sayūṭīy 1997:3:55)

Maksudnya:

“ Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) dengan alif dan lām (أَلْ) berfungsi seperti kata kerja kala lampau (الْمَاضِي), kala kini (الْمُضَارِعُ) dan kala depan (الْمُسْتَقْبَلُ). **Ini disebabkan oleh proses penggantian (النِّيَابَةُ) disebabkan oleh penggantian (النِّيَابَةُ).** Oleh yang demikian, alif dan lām (أَلْ) berfungsi menggantikan kata hubung الَّذِي dan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menggantikan pelaku yang menunjukkan kala lampau (الْمَاضِي) alif dan lām (أَلْ) yang berfungsi menggantikan kata hubung الَّذِي. Manakala kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) menggantikan pelaku yang menunjukkan kala lampau (الْمَاضِي)....”.

Rajah 5.2 menjelaskan perbezaan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan Al-Sayūṭīy secara perbandingan.

### Panduan Rajah

IH	Penggabungan (الإضافة)
IL	Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)
IF	Kata nama fi' (اسْمُ الْفِعْلِ)
MS	Kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ)
SM	Şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)



#### 5.4 Ulasan Sistem I'rāb (الإعراب) Antara Sībawayh Dan Al-Sayūṭīy.

Bahagian ini akan memaparkan ulasan-ulasan terhadap sistem i'rab (الإعراب) oleh pengkaji terhadap topik terpilih meliputi kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ), penggabungan (الإِضَافَةُ), kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ), sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمَشْبَهَةُ) dan kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ). Ulasan akan tertumpu kepada perspektif Sībawayh dan juga al-Sayūṭīy dari aspek kekuatan dan kelemahan terhadap sistem i'rāb (الإعراب) .

##### 5.4.1 Ulasan Sistem I'rāb (الإعراب) Terhadap Kata Nama Fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ).

Merujuk jadual 5.1 dan 5.2 terdapat persamaan dari aspek fungsi sebagai kata kerja sama ada transitif atau tak transitif dan aspek penghasilan impak fleksi sama ada impak akusatif (النَّصْبُ) atau impak nominitif (الرَّفْعُ). Ini menunjukkan perspektif Sībawayh dalam aspek ini telah dipersetujui oleh al-Sayūṭīy disebabkan tiada penambahan mahupun pengurangan yang dibuat oleh al-Sayūṭīy. Namun jadual 5.17 yang memaparkan kategori kata nama fi'l (إِسْمُ الْفِعْلِ) menunjukkan aspek perbezaan yang ketara di antara mereka berdua. Al-Sayūṭīy menampilkan empat kategori iaitu kategori yang menerima baris dua

(التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا) وَإِيَّهَا , وَإِيَّهَا , وَهَآءُ , or harus (جَوَازًا), Kategori tidak menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا) atau harus (جَوَازًا), Kategori tidak menerima baris dua (التَّنْوِينُ) sama ada wajib (لُزُومًا) atau harus (جَوَازًا) dan Murakkab mazjan (مُرَكَّبٌ مَزْجًا). Kategori-kategori ini lebih terperinci berbanding kategori Sībawayh yang hanya menampilkan dua kategori sahaja iaitu kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang diikuti oleh kata nama ma'tūf (الْمَعْطُوفُ) dan kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) yang berasal daripada zaraf (الظَّرْفُ) dan jār majrūr (جَارٌ مَجْرُورٌ). Pengkaji berpandangan pembahagian mengenai kata nama fi'l sama ada kategori Al-Sayūṭīy mahupun Sībawayh perlu dirombak seterusnya disusun semula bagi memudahkan penuntut-penuntut bahasa Arab memahaminya dengan baik. Ini adalah kerana, kategori di atas tidak selari dengan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) yang mengutamakan prinsip pengubah fleksi (الْعَامِلُ), perubah fleksi (الْمَعْمُولُ), tanda fleksi (الْعَمَلُ أَوْ) (عَلَامَةُ الإِعْرَابِ) dan konteks (الْمَوْقِعُ). Pengkaji mencadangkan supaya pengkategorian kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ) di buat berdasarkan fungsinya yang menyamai kata kerja seperti kata kerja kala kini (الْمُضَارِعُ), kata kerja kala lampau (الْمَاضِي) dan kata kerja suruhan (الْأَمْرُ). Cadangan ini

dilihat sangat hampir dengan prinsip sistem i'rāb (الإعراب) yang dibincangkan dan tidak mengurangkan kandungan perbincangan tentang kata nama fi'l (اسم الفعل). Selain daripada itu, pengkaji mendapati huraian Sībawayh dalam topik ini amat terbatas berbanding dengan Al-Sayūṭī yang banyak memberikan perspektif-perspektif baru yang amat berkaitan dengan sistem i'rāb (الإعراب) tetapi tidak dibincangkan oleh Sībawayh seperti kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh didahului oleh perubah fleksi (المعمول) dan kata nama fi'l (اسم الفعل) tidak boleh berfungsi ketika digugurkan (المضمّر). Sībawayh dan al-Sayūṭī tidak menyatakan jumlah sebenar kata nama fi'l (اسم الفعل) dan maknanya dengan jelas supaya dapat digunakan dalam pertuturan seharian bukan hanya teori dalam buku-buku nahu sahaja.

#### 5.4.2 Ulasan Sistem I'rāb (الإعراب) Terhadap Penggabungan (الإضافة).

Terdapat persamaan antara Sībawayh dengan al-Sayūṭī dari aspek mendefinisikan tajuk penggabungan (الإضافة), mengkategorikan topik penggabungan (الإضافة) dan penggabungan (الإضافة) dengan huruf ya (ي) seperti yang ditampilkan dalam jadual 5.3, 5.4 dan 5.5. Hal ini menunjukkan asas berkenaan penggabungan (الإضافة) yang dibina oleh Sībawayh telah diterima pakai oleh al-Sayūṭī. Namun jika dilihat dari

aspek perbezaan seperti yang terdapat dalam jadual 5.18 kedua-dua tokoh ini mempunyai halatuju dan perspektif yang berbeza khususnya berkenaan definisi pengabungan ( الإِضَافَةُ ) dan hubungkaitnya dengan sistem i'rāb ( الإِعْرَابُ ). Pengkaji berpendapat definisi berkenaan pengabungan ( الإِضَافَةُ ) yang dikemukakan oleh Sībawayh tidak menggambarkan kaitannya dengan sistem i'rāb ( الإِعْرَابُ ) yang mempunyai prinsip-prinsip tertentu seperti yang disebut oleh 'Abduh Rājiḥīy (1988:15) atau prinsip perubahan kasus (harakat) di akhir perkataan yang berlainan pengubah fleksi ( الْعَامِلُ ) seperti yang disebut oleh Ibn al-'Uṣfūr al-Isybīlīy (1998:31) ini kerana definisi Sībawayh yang menyebut pengabungan ( الإِضَافَةُ ) sebagai kata nama yang mengalami proses pengulangan yang bertujuan menguatkan ujaran ( التَّوَكِيدُ ) tidak digunapakai oleh al-Sayūṭīy dan ahli tatabahasa lain seperti 'Abdul Qāhir al-Jurjānīy (471H), 'Abbās Hasan (1987:2:256), sebaliknya definisi al-Sayūṭīy lebih sesuai dan bertepatan dengan prinsip sistem ( الإِعْرَابُ ) kerana ia menjelaskan fungsi perkataan yang menjadi pengubah fleksi ( الْعَامِلُ ), perubah fleksi ( الْمَعْمُولُ ) dan tanda fleksi ( الْعَلَامَةُ ) seperti dalam huraian ini dalam Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ حَمْعِ الْجَوَامِعِ ):

(نِسْبَةٌ تَقْيِيدِيَّةٌ بَيْنَ اسْمَيْنِ تُوجِبُ لِثَانِيهِمَا الْجُرُ)... (وَالْأَصْحَحُ أَنْ الْأَوَّلُ)... (الْمُضَافُ وَالثَّانِي)... (الْمُضَافُ)

.... (إِلَيْهِ) (Al-Sayūṭīy 1997:2:411)

Maksudnya:

*“Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْجُرُ)... yang paling tepat untuk diperkatakan bahawa yang pertama itu ialah kata nama muḍāf (الْمُضَافُ) sementara kata nama yang kedua adalah kata nama muḍāf ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ)...”*

Pernyataan al-Sayūṭīy berkenaan pengabungan (الإِضَافَةُ) telah diolah

semula oleh ahli tatabahasa Arab moden ‘Abbās Hasan seperti dalam

ungkapan ini إِنَّهَا نِسْبَةٌ تَقْيِيدِيَّةٌ بَيْنَ اسْمَيْنِ, تَقْتَضِي أَنْ يَكُونَ ثَانِيَهُمَا مَجْرُورًا دَائِمًا

Hasan 1987 :3:2) maksudnya: *“Hubungan yang mengikat di antara dua kata nama. Hubungan ini menyebabkan kata nama yang kedua berada secara genitif (الْجُرُ)”*. Jarak masa antara al-Sayūṭīy dengan Sībawayh

ialah tujuh ratus empat puluh tahun. Beliau mempunyai kelebihan

berbanding dengan Sībawayh menelaah pandangan-pandangan ahli

tatabahasa Arab lain yang hidup dalam tempoh tersebut. Oleh yang

demikian, beliau mampu menambah nilai tatabahasa Arab dengan

input-input yang tidak terdapat dalam al-Kitāb. Di Dalam perbincangan

sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkenaan dengan pengabungan (الإِضَافَةُ) beliau

telah membincangkan pengabungan (الإِضَافَةُ) tidak boleh mendahului

kata nama muḍāf ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ) dan kumpulan kata nama yang

sentiasa perlu pengabungan (الإِضَافَةُ) beliau turut membahagikan pengabungan (الإِضَافَةُ) kepada dua kategori pengabungan (الإِضَافَةُ) iaitu penggabungan maḥḍaṭ (إِضَافَةُ الْمَحْضَةِ) dan penggabungan bukan maḥḍaṭ (إِضَافَةُ غَيْرِ الْمَحْضَةِ), menjelaskan pengguguran pengabungan (الإِضَافَةُ), menjelaskan pemisahan kata muḍāf (المُضَافُ) dan menjelaskan penggabungan (الإِضَافَةُ) dan al-Jarr bi al-mujāwaraṭ (الْجَرُّ بِالْمُجَاوَرَةِ).

#### 5.4.3 Ulasan Sistem I'rāb (الإِعْرَابُ) Terhadap Kata Nama Terbitan

(الْمَصْدَرُ).

Kesepakatan antara Sībawayh dengan al-Sayūṭīy berkenaan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang berfungsi dengan fungsi kata kerja amat jelas seperti yang terpampang dalam jadual 5.5. Kesepakatan ini menunjukkan asas berkenaan dengan kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) yang dibina oleh Sībawayh amat sesuai dan bertepatan dengan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) bahasa Arab. Hal ini terbukti apabila al-Sayūṭīy mengolah semula fakta ini seperti dalam pernyataan ini. هَذَا مَبْحَثُ إِعْمَالِهِ. (يَعْمَلُ ...

... كَفَعْلِهِ) لَازِمًا، وَمُتَعَدِّيًا إِلَى وَاحِدٍ، فَأَكْثَرُ...

“...Ini perbincangan tentang fungsinya. (berfungsi seperti kata kerja

( *الْفِعْلُ* ) sama ada kata kerja itu tak transitif ( *لَا زِمٌ* ) atau kata kerja transitif kepada satu objek atau lebih . Selain itu, konsep fungsi kata nama terbitan ( *الْمَصْدَرُ* ) yang berfungsi dengan fungsi kata kerja turut dibincangkan oleh ahli tatabahasa Arab yang lain seperti Ibn. Hisyām (1988:257), al-Jurjānīy (1988:224), al-Ghalāyīnīy (2000:3:205), ‘Abbās Hasan (1987 :3:211), dan Syawqiy Dayf (1982:224). Penghuraian topik kata nama terbitan ( *الْمَصْدَرُ* ) menurut pengkaji memerlukan suatu reformasi untuk menjadikannya mudah difahami dan dipelajari. Ini adalah kerana, pendekatan Sībawayh masih mengandungi banyak kelemahan manakala perspektif al-Sayūṭīy pula menunjukkan perkembangan ke arah keperluan untuk mereformasikan pendekatan dengan lebih berkesan memandangkan topik ini sangat penting. Pendekatan yang lebih sistematik dalam penghuraian topik ini amat diperlukan bagi memastikan pemahaman pelajar sejajar dengan rukun i‘rāb ( *الإِعْرَابُ* ) seperti yang telah digariskan. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat pendedahan berkenaan syarat-syarat kata nama terbitan ( *الْمَصْدَرُ* ) dan kategori-kategori kata nama terbitan ( *الْمَصْدَرُ* ) yang berfungsi sebagai kata kerja ( *الْفِعْلُ* ) perlu diketengahkan dengan baik. Hal ini disebabkan kewujudan syarat dapat memberikan gambaran yang lengkap dan menyeluruh berkenaan dengan kata nama terbitan ( *الْمَصْدَرُ* ) dan mengelakkan daripada berlaku kesilapan dalam

menggunakan kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) yang berfungsi sebagai kata kerja ( الْفِعْلُ ) dengan yang tidak berfungsi seperti kedudukan kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) yang boleh diganti dengan kata kerja dengan partikel an ( أَنْ ) atau partikel mā ( مَا ), ia bukan daripada kata nama yang musaghgharan ( مُصَغَّرًا ) dan sebagainya. Manakala dari aspek kategori kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) yang berfungsi sebagai kata kerja ( الْفِعْلُ ) ia perlu kerana dapat membantu menjelaskan kategori-kategori yang terdapat dalam kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) yang berfungsi seperti kategori muḍāf kepada pelaku ( الْفَاعِلُ ) dan muḍāf kepada objek ( الْمَفْعُولُ ), kategori bertanwin dan kategori bergandingan dengan alif dan lām ( آل ). Selain daripada itu, pandangan pengkaji adalah berasaskan pandangan ahli tatabahasa yang menggunakan pendekatan menghurai kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) dengan mengenengahkan syarat-syarat dan kategori kata nama terbitan ( الْمَصْدَرُ ) yang berfungsi seperti Ibn. Hisyām (1988:258), al-Jurjānīy (1988:290), al-Ghalāyīnīy (2000:3:207), ‘Abbās Hasan (1987:3:215), dan Syawqiy Ḍayf (1982:224).

#### 5.4.4 Ulasan Sistem I'rab (الإعراب) Terhadap Şifaṭ musyabbahaṭ

(الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).

Berdasarkan dapatan dalam jadual 5.8, 5.9, 5.10 dan 5.11 terdapat persamaan dari aspek fungsi, aspek penggabungan (الإِصْطَافَةُ) şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ بِهَاءٍ), şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (أَل) dan perubah fleksi şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang genitif (مَجْرُورٌ) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy. Hal ini merupakan persetujuan al-Sayūṭīy terhadap perspektif tatabahasa Sībawayh dalam perbincangan sistem (الإِعْرَابُ) berkenaan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ). Sesungguhnya dalam topik perbahasan ini, Sībawayh telah meletakkan asas yang kukuh untuk diperdebatkan oleh ahli tatabahasa Arab selepasnya. Dalam perspektifnya, beliau dengan jelas menggariskan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang berfungsi dengan fungsi kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) hanya apabila ia bergandingan dengan alif dan lām (أَل) dan tidak bergandingan dengan alif dan lām (أَل) (Sībawayh 1999:1:125). Pada pandangan penulis, hal ini merupakan pendekatan yang diasaskan oleh beliau dalam usaha menerangkan şifaṭ musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) supaya ia mudah difahami. Sesungguhnya pendekatan ini telah

digunapakai dan diolah semula oleh al-Sayūṭīy seperti dalam penjelasan ini ( وَتَعْمَلُ مَعَ أَلٍ مُّقْتَرِنَةً بِهَا (وَدُونَهَا رَفْعًا) عَلَى أَنْ يُعْرَبَ الْمَرْفُوعُ بِهَا (فَاعِلًا) )

... بِهَا (al-Sayūṭīy 1998:3:54) maksudnya “ *ṣifaṭ musyabbahaṭ* ( *الصِّفَةُ* ) berfungsi sekiranya ia bergandingan dengan alif dan lām ( *بِأَلٍ* ) dan tidak bergandingan dengan alif dan lām ( *بِأَلٍ* ) kata nama nominitif ( *الْمَرْفُوعُ* ) merupakan pelaku ( *الْفَاعِلُ* ) kepadanya ( *ṣifaṭ musyabbahaṭ* ( *الصِّفَةُ* ) ( *الْمُشَبَّهَةُ* ) . Namun pada pandangan pengkaji pendekatan ini sudah tidak sesuai lagi disebabkan tiada keperluan untuk menyatakan *ṣifaṭ musyabbahaṭ* ( *الصِّفَةُ الْمَشَبَّهَةُ* ) berfungsi dengan sebab bergandingan dengan alif dan lām ( *بِأَلٍ* ) atau tidak kerana bukan faktor kewujudan alif dan lām ( *بِأَلٍ* ) atau tidak yang menentukan *ṣifaṭ musyabbahaṭ* ( *الصِّفَةُ* ) berfungsi atau tidak berfungsi sebaliknya ia disebabkan oleh faktor-faktor lain. Pandangan pengkaji adalah berasaskan huraian Ibn Hisyām seorang ahli tatabahasa Arab sekitar tahun 1309M-1350M. Beliau tidak menyebut perihal kewujudan alif dan Lām ( *بِأَلٍ* ) atau tidak untuk berfungsi sebaliknya hanya menyatakan ia adalah sebahagian kata nama yang berfungsi dengan fungsi kata kerja (Ibn. Hisyām:287). Pandangan beliau turut dikongsi oleh al-Jurjānīy (1988:300), al-Ghalāyīnīy (2000:3:211), ‘Abbās Hasan (1982:224), dan Syawqiy Ḍayf (1982:227). Selain daripada itu, pengkaji melihat terdapat kelemahan

dalam penjelasan sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkenaan dengan sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dari aspek perubah fleksi perubah fleksi (الْمَعْمُولُ). Tiada penjelasan yang sistematik terhadap entiti ini sedangkan ia merupakan salah satu rukun dalam sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) dan kunci untuk memahami topik ini. Pandangan pengkaji adalah berdasarkan tinjauan terhadap beberapa perspektif ahli tatabahasa Arab selain Sībawayh dan al-Sayūṭīy mendapati mereka amat menitikberatkan persoalan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) ini. Sebagai contoh Ibn. Hisyām (1988:290) membahaskan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) kepada tiga keadaan nominitif (الرَّفْعُ), Akusatif (النَّصْبُ) dan genitif (الْجَرُّ). Manakala al-Ghalāyīnīy (2000:3:211) membahaskan perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) kepada empat keadaan nominitif (الرَّفْعُ) dengan pelaku (الْفَاعِلُ), Akusatif (النَّصْبُ) dengan objek (الْمَفْعُولُ بِهِ), akusatif dengan yang menyerupai objek (التَّشْبِيهُ بِالْمَفْعُولِ بِهِ) dan genitif (الْجَرُّ) dengan penggabungan (الإِضَافَةُ). Sementara itu 'Abbās Hasan membahaskan perihal perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) bagi sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) yang bergandingan dengan alif dan lām (أَل) dengan lapan belas keadaan dan bagi yang tidak bergandingan turut mempunyai lapan belas keadaan juga ('Abbās Hasan 1987:3:298).

#### 5.4.5 Ulasan Sistem I'rāb (الإِعْرَابُ) Terhadap Katanama Pelaku

(إِسْمُ الْفَاعِلِ).

Berdasarkan dapatan dalam jadual 5.12 terdapat persamaan dari aspek fungsi katanama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) sebagai kata kerja antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy. Begitu juga persamaan yang melibatkan aspek fungsinya sebagai agen genitif (الْحَرُّ) dapat dilihat menerusi jadual 5.13, kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) yang memerlukan dua objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dapat dilihat menerusi jadual 5.14 dan kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) ketika menjadi kata nama khas (الْمَعْرِفَةُ) di jadual 5.15. Hal ini menunjukkan persetujuan al-Sayūṭīy terhadap perspektif tatabahasa Sībawayh. Selain itu, persamaan di atas turut menunjukkan asas-asas sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) berkaitan kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) yang dibina oleh Sībawayh benar-benar mantap. Selain itu, berdasarkan pengamatan pengkaji huraian Sībawayh telah diolah semula oleh al-Sayūṭīy apabila tiada perbezaan besar di ditemui dalam perspektif tatabahasa al-Sayūṭīy. Demikian juga ahli tatabahasa Arab moden seperti 'Abbās Hasan pengarang al-Naḥw al-Wāfīy turut mempunyai banyak persamaan dengan Sībawayh dalam menghuraikan aspek kata nama pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ) seperti dari aspek fungsi sebagai kata kerja ('Abbās Hasan 1987: 245), aspek fungsinya sebagai agen genitif

(الْجُرُّ) ('Abbās Hasan 1987: 255), kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) yang memerlukan dua objek ( مَفْعُولٌ بِهِ ) ('Abbās Hasan 1987: 255) dan kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) ketika menjadi kata nama khas ( الْمَعْرِفَةُ ) ('Abbās Hasan 1987: 248) sehingga contoh yang digunakan Sībawayh " هُوَ كَأَنَّ أَحْيَيْكَ " (Sībawayh 1999:1:218) turut dikekalkan penggunaanya dalam al-Naḥw al-Wāfīy ('Abbās Hasan 1987 :3: 255). Sesungguhnya benarlah kata-kata al-Māziniy (249H/823M) " *Sesiapa yang hendak menghasilkan kitab yang hebat dalam bidang tata bahasa Arab selepas kitab Si:bawayh hendaklah ia berasa malu*" (Ibn Nadīm :57 dan 'Imīl badī' Ya'qūb 1999: 10). Pengkaji berpandangan al-Sayūṭīy turut memberi sumbangan yang besar dalam bidang tatabahasa Arab ini apabila berjaya mengembangkan topik kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) melampaui perspektif Sībawayh. Beliau telah meletakkan syarat bagi kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) untuk berfungsi yang sebelum ini tidak disebut oleh Sībawayh. Fakta ini telah dikukuhkan dengan penjelasan yang terdapat dalam jadual 5.27. Menurut 'Abbās Hasan (1987: 3: 252) syarat ini telah diolah semula di dalam al-Naḥw al-Wāfīy yang turut dikenali sebagai al-i'timād ( اِلْتِمَادٌ ) ('Abbās Hasan 1987:3:252). Sebagai kesimpulannya, perbincangan kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) oleh Sībawayh dan al-Sayūṭīy telah menyentuh segenap aspek sistem i'rāb ( اِلْعَرَابُ ) seperti pengubah

Fleksi (الْعَامِلُ), perubah fleksi (الْمَعْمُولُ), Tanda fleksi (الْإِعْرَابُ) dan konteks (الْمَوْقِعُ) seperti yang disebut oleh ‘Abduh Rājihīy (1988:15) dengan jelas. Sebagai orang yang amat mementingkan pengubah fleksi (Aḥmad Sulaymān1993:58), Sībawayh sangat menekankan aspek-aspek di atas ketika membicarakan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) demikian juga dengan al-Sayūṭīy. Ungkapan seperti

الَّذِي جَرَى مَجْرَى الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ (Sībawayh 1999:1:218) yang bermaksud

“...yang berfungsi dengan fungsi kata kerja kala kini (الْمُضَارِعِ)...”, فَصَارَ

عَمَلُهُ فِيهِ الْجَرُّ (Sībawayh 1999:1:218) yang bermaksud “....sehinggalah fungsinya sebagai agen genitif...” , (وَشَرَطَ الْبَصْرِيَّةُ لِإِعْمَالِهِ إِعْتِمَادُهُ عَلَى) أَدَاةٍ (al-Sayūṭīy 1997:3:54) yang bermaksud “ ....Ahli tatabahasa Arab Basrah mensyaratkan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) untuk berfungsi perlu ada kaitan dengan partikel nafi (نُفْيٍ)...” dan lain-lain merupakan ungkapan yang menggambarkan keperluan memahami peranan pengubah fleksi (الْعَامِلُ) secara mendalam.

### **5.5 Penutup.**

Perbincangan dalam bab ini telah menampilkan persamaan dan perbezaan dalam sistem l'rāb dari perspektif Sībawayh dan al-Sayūṭīy dalam lima topik sistem l'rāb yang terpilih. Melalui perbincangan ini juga, penulis dapat mengenalpasti secara mendalam aspek-aspek persamaan dan perbezaan sistem l'rāb yang terdapat di dalam kitab al-Kitāb dan Kitab Ham'u al-Hawāmi'i Fi Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i.